

KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

LAPORAN TAHUNAN 2024

KOPERASI MCIS BERHAD
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE -62

www. kopmcis.com

23 OGOS 2025
HOTEL SWISS GARDEN MELAKA

VISION

TO BE THE TOP-NOTCH COOPERATIVE SOCIETY PROVIDING EXCELLENT SOCIAL AND FINANCIAL SERVICES TO MEMBERS.

MISSION

- **To improve socio-economic and welfare of fellow cooperative societies and members by consistently giving better return and service.**
- **To achieve the highest level of professionalism and good governance in accordance with laws of Malaysia.**
- **To be a strong financial provider to needy cooperative.**
- **To facilitate and educate members in cooperative knowledge and management.**
- **To participate in corporate social responsibility (CSR) programmes.**
- **Create a strong team work relationship among the cooperative members.**
- **To provide medical insurance scheme to eligible members at preferential rate.**
- **To improve the administration skills of board members in seeking viable business opportunities and investments for the best returns.**



About Our Founder

Dato' N.A. Kularajah (1921 – 17 May 1996) was a highly respected figure whose legacy continues to inspire the cooperative movement both in Malaysia and across Asia. He is fondly remembered for his significant contributions to the advancement of international cooperation, particularly in the fields of insurance, consumer affairs, and banking.

During the formative years of The Malaysian Cooperative Insurance Society Limited (MCIS), Dato' Kularajah emerged as a visionary leader. Serving as Chairman from 1959 to 1961, he demonstrated a dynamic leadership style and earned a reputation for integrity and innovation. Under his guidance, MCIS became a symbol of progress and a model for cooperative development across the Asian region.

In 1965, he was appointed President of the Malaysian Cooperative Union, a role he held with distinction until his passing in 1996. Throughout his tenure, Dato' Kularajah was instrumental in shaping policies and strategies that strengthened the cooperative sector both nationally and internationally.

In addition to his leadership roles, he also served on numerous committees dedicated to cooperative and insurance affairs, reflecting his unwavering commitment to the sector. His dedication and service to various cooperative organizations left a lasting impact and helped elevate Malaysia's reputation in the global cooperative community.

Kedudukan 1 - 20 | *Ranking 1 - 20*



KOPERASI MCIS BERHAD

NEGERI / *STATE :*
WILAYAH PERSEKUTUAN

KEANGGOTAAN
MEMBERSHIP :
6,196

SYER DAN YURAN
SHARE AND SUBSCRIPTIONS :
RM72,652,000

KUMPULAN WANG ANGGOTA
SHAREHOLDER'S FUND :
RM172,329,000

JUMLAH ASET
TOTAL ASSET :
KOPERASI
CO-OPERATIVE
RM319,767,000
KUMPULAN
GROUP
RM319,788,000

PENDAPATAN
INCOME :
KOPERASI
CO-OPERATIVE
RM15,345,000
KUMPULAN
GROUP
RM15,347,000

AKTIVITI UTAMA
MAIN ACTIVITY :
PELABURAN
INVESTMENT



11

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Sijil Pengiktirafan

KOPERASI TERBAIK
WILAYAH PERSEKUTUAN 2024

KOPERASI MCIS BERHAD

telah berjaya tersenarai pada kedudukan

KESEMBILAN

LEFTENAN JENERAL
DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)
PENGERUSI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

MALAYSIA MADANI DKN 2030 DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030 coop

ATURCARA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KE 62
KOPERASI MCIS BERHAD

23hb OGOS 2025
SABTU
9.00 PAGI

Swiss Garden Hotel
T2-4, The Shore @ Melaka River,
Jalan Persisiran Bunga Raya, 75300 Melaka Tengah,
Melaka

MASA	***ATURCARA***
7.30 pagi	Pendaftaran Perwakilan.
	Perwakilan mengambil tempat.
9.00 pagi	Ucapan Aluan oleh Setiausaha Koperasi, En. Balasupramaniam Ramanaidu.
9.15 pagi	Ucapan Pengerusi oleh Yang Berhormat Dr. Gunarajah R.George, Pengerusi Koperasi MCIS Berhad.
	Ucapan Perasmian oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin, Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri Malaysia.
	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-62 dimulakan.
	Agenda Mesyuarat Agung, rujuk notis yang telah diedar.
	Mesyuarat Selesai.
	Bersurai.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN
i-ii	Maklumat Koperasi
1	Perutusan Pengerusi
3	Anggota Lembaga Koperasi (Gambar)
4	Warga Kerja Koperasi (Gambar)
5	Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-62
7	Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan
15 – 49	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 61 ⌖ Ucapan Pengerusi – Lampiran 1 ⌖ Senarai Kehadiran – Lampiran A1 & A2
50	Aktiviti Koperasi – 2024 (Galeri Gambar)
56	Laporan Lembaga Bagi Tahun 2024
62	Laporan Berkanun Lembaga Bagi Tahun 2024
64	Laporan Jawatankuasa Audit dalaman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
66	Laporan Juruaudit Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
70 – 71	Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2024
72	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
73	Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
74 – 75	Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
76 – 112	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
113	Anggaran Belanjawan 2025 Dan 2026

MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI
YB Dr Gunarajah R.George

TIMBALAN PENGERUSI
Thankarajoo Subramaniam

SETIAUSAHA
Balasupramaniam Ramanaidu

BENDAHARI
Venkatasal Rao Nookaiah

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA
Dr Letchumanan Amaippen
Dato' Shashi Kumar Palaniyappan
Datuk Goh Ah Ling
Balasundaram Kumarasamy
Dato' Khairul Walid Mohamed (dilantik pada 17/8/2024 menggantikan
En.Ma'sud Husaain – Proksi Koperasi KOSWIP)

JAWATANKUASA KERJA (EXCO)
YB Dr Gunarajah R.George
Thankarajoo Subramaniam
Balasupramaniam Ramanaidu
Venkatasal Rao Nookaiah
Dr Letchumanan Amaippen

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
Dr Jeyabalan A.Nadarajah
K.Vijayasuriar
Vadivelu Perumal
Sanni Babu Temudoo

JURUAUDIT LUAR

Bahagian Audit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara. 50490 Kuala Lumpur

PANEL PEGUAM

ABU TALIB SHAHROM
No. 39-43, Jalan Desa
Taman Desa, Off Jalan Kelang Lama
58100 Kuala Lumpur

Kasthuri Basir Shah & Patners
Peguambela & Peguamcara
Suite 9-3, Level 9, Menara Sentral Vista
No. 150, Jalan Sultan Abdul Samad
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

BANK-BANK

RHB Bank Berhad
CIMB Bank Berhad
Public Bank Berhad
MBSB Bank Berhad
Maybank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Amanah Raya Berhad

TARIKH PENDAFTARAN/ BIL DAFTAR

2hb Ogos 1954/2144

ALAMAT BERDAFTAR

Koperasi MCIS Berhad
Tingkat Mezzanine, Tower 1
Wisma MCIS, Jalan Barat
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Email : koperasi.mcis@gmail.com
No. Telepon : 03-7954 6414 / 03-7956 1158
No. Telepon Bimbit / "Whatsapp" : +6011 – 6566 6414

Seulas Bicara dan Sekalung Penghargaan



Salam Sejahtera

Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan TERIMA KASIH dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Koperasi MCIS Berhad yang diterajui oleh YB Dr Gunarajah R.George Pengerusi Koperasi, barisan Anggota Lembaga, Pengurusan dan kakitangan serta anggota-anggota dan koperasi anggota amnya dengan memberi kesempatan kepada saya mengisi ruang dalam Lapuran Tahunan 2024. Sokongan padu serta kerjasama yang tidak mengira bangsa akan terus kukuh kekal membangunkan ekonomi anggota dan selaras dengan hasrat Malaysia MADANI.

Saya percaya Koperasi MCIS Berhad mempunyai potensi yang besar untuk terus berkembang maju pada masa hadapan dengan penglibatan aktif anggota-anggotanya serta di tadbir urus oleh Pemimpin yang berintegeriti dan berwawasan, berhemah, merangka strategi yang jelas demi menjamin kepentingan anggota-anggota dan koperasi keseluruhannya.

Selaras dengan semangat bersatu padu yang sering dilaungkan oleh dasar Malaysia MADANI, anggota-anggota Koperasi akan terus mencatatkan kejayaaan yang membanggakan. Kerajaan melalui Dasar Koperasi Malaysia menekankan kepentingan transformasi koperasi untuk kekal relevan dalam era ekonomi digital dan berdaya saing di peringkat global. Koperasi perlu berani berinovasi, meneroka bidang-bidang baru seperti teknologi kewangan, pelaburan lestari dan keusahawanan sosial.

TAHNIAH, Koperasi MCIS Berhad dalam senarai 100 koperasi terbaik Malaysia telah menduduki tempat ke 11, suatu pencapaian yang amat bermakna dan wajar dibanggakan bersama. Saya juga difahamkan Koperasi MCIS Berhad satu-satunya koperasi yang terlibat dalam pelaburan industri insuran iaitu insuran hayat dan am yangmana pelaburan ini lazimnya dimonopoli oleh syarikat koporat. Koperasi berjaya membuktikan daya saing, keberanian, kemampuan dalam menceburi bidang pelaburan berskala besar.

Akhirnya izinkan saya menyampaikan salam dan penghargaan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada seluruh anggota Koperasi MCIS Berhad. Amanat beliau, sentiasa menekankan gerakan Koperasi adalah salah satu tulang belakang ekonomi rakyat selaras dengan hasrat Malaysia MADANI yang menitik beratkan kemakmuran bersama, keadilan sosial dan pembangunan mampan.

Saya percaya bahawa dengan usaha kepelbagaian perniagaan serta disokong semangat juang Malaysia MADANI, Koperasi MCIS Berhad akan terus kekal maju pada masa hadapan.

Salam hormat dan Salam Malaysia MADANI

YBhg. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Hj Mohd Akin
Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri Malaysia

PERUTUSAN PENGERUSI



Salam Sejahtera dan Salam Hormat

Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan dalam Laporan Tahunan 2024. Walaupun tahun 2024 adalah tahun mencabar, Koperasi MCIS Berhad tetap meneruskan usaha bagi melaksanakan aktiviti secara aktif seperti yang telah dirancang dalam pelan strategiknya.

Sekalung tahniah kerana Koperasi MCIS Berhad masih kekal dikedudukan ke 11 dalam profil 100 koperasi terbaik Malaysia dan kedudukan di tempat ke 9 pada peringkat Negeri Wilayah Persekutuan. Syabas kepada Anggota Lembaga, Anggota-Anggota Koperasi dan Pengurusan Koperasi serta warga kerja Koperasi MCIS Berhad atas kerjasama dan sokongan padu dalam membangunkan Koperasi MCIS Bhd keperingkat yang kukuh hingga kini.

Fokus utama adalah meningkatkan kegiatan ekonomi Koperasi dengan menerapkan visi dan misi yang menjadi matlamat utama Koperasi amnya. Segala usaha yang dilaksanakan adalah demi mempertingkatkan dan membangunkan perniagaan Koperasi supaya terus kekal dalam persaingannya serta Lembaga akan terus berusaha mengurangkan tanggungan sedia ada.

Berdasarkan kepada prestasi Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 Koperasi masih berusaha untuk bangkit dalam menghadapi ketiadaan dividen dibayar oleh MCIS Insurance Berhad dan The Pacific Insurance Berhad. Kegiatan utama aktiviti perniagaan Koperasi masih kekal kepada perniagaan insuran hayat dalam MCIS Insurance Berhad, perniagaan insuran am dalam The Pacific Insurance Berhad, sewa ruang pejabat Annexe, Wisma Koperasi MCIS Petaling Jaya dan pengendalian tempat pakir turut menyumbang kepada punca pendapatan.


Bagi mengekalkan pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 Lembaga bersetuju dividen dibayar dengan menggunakan dana Kumpulan Wang Terkumpul pada kadar 7% yang melibatkan pembayaran sebanyak RM 4.7 juta. Walau bagaimanapun bayaran dividen tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Koperasi terus memainkan peranan dalam hal aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), Koperasi MCIS Berhad dan MCIS Insurance Berhad secara bersama masih memberi sumbangan tunai di atas pengiktirafan anak-anak anggota yang cemerlang akdemiknya supaya menjadi dorongan untuk maju pada masa hadapan. Koperasi juga melangkah setapak lagi dengan kerjasama The Pacific Insurance Berhad bagi mendapatkan perlindungan khairat kematian dan perlindungan insuran kepada anggota individu dengan kadar premium yang rendah. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada MCIS Insurance Berhad dan The Pacific Insurance Berhad di atas sumbangan dan kerjasamanya.

Selain itu, Lembaga sentiasa berhati-hati dan tidak mahu membuat sesuatu di luar kemampuan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti yang belum tentu pulangannya. Oleh itu, Lembaga akan sentiasa memberi pengawasan yang rapi dan tidak melepaskan tanggungjawabnya bagi memastikan peningkatan urusan pentadbiran dan pengurusan Koperasi lebih berhemah, maju dan berdaya saing. Lembaga patuh pada peraturan, Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi 1993 dalam mengamalkan tabir urus yang baik, bertanggungjawab, telus, dan amanah demi mempertingkatkan prestasi keuntungan Koperasi. Lembaga juga maklum, Koperasi memerlukan kepimpinan yang baik, berpengalaman dan berwawasan demi mencapai kemajuan dan peningkatan prestasi pada masa hadapan.

Saya dan Anggota Lembaga akan sentiasa menjaga kepentingan koperasi dan anggota-anggotanya dalam usaha peningkatan, penambahbaikan kecekapan dan keyakinan anggota-anggota Koperasi dengan mengamalkan kerjasama erat antara Lembaga, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan Koperasi dan anggota-anggota amnya.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia, ANGKASA, MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad yang sentiasa memberi sokongan, bimbingan dan kerjasama kepada Koperasi. Penghargaan juga kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Audit Dalaman, pengurusan dan tenaga kerja Koperasi MCIS Berhad yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.



YB Dr GUNARAJAH R.GEORGE

Pengerusi

ANGGOTA LEMBAGA TAHUN 2024-2025



Pengerusi
YB. Dr. Gunarajah R. George



Naib Pengerusi
Thankarajoo Subramaniam



Setiausaha
Balasupramaniam Ramanaidu



Bendahari
Venkatasal Rao Nookaiah



Anggota Lembaga
Dr Letchumanan Amaippen



Anggota Lembaga
Dato' Shashi Kumar Palaniyappan



Anggota Lembaga
Datuk Goh Ah Ling



Anggota Lembaga
Balasundaram Kumarasamy



Anggota Lembaga
Dato' Khairul Walid Mohamed

KAKITANGAN KOPERASI MCIS BERHAD 2024 - 2025



DUDUK DARI KIRI :

Puan Thilaga Pariasamy (Pengurus Akaun/ Operasi), K Manimaran Krishnan (Penolong Pengurus Besar)

BERDIRI DARI KIRI :

Ambika Devi Changarang, Haslin Abd Ghani, Muruganandam Mari, Sangari Nadarajah, Paul Jeyaraj, Naquib Masror, Selvarajoo Palaniandy

---



PEGAWAI KHAS LEMBAGA

Sri Ram Mookiah

KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu
Koperasi MCIS Berhad

NOTIS Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 62 Koperasi MCIS Berhad seperti berikut :-

Tarikh/Hari	:	**23hb Ogos 2025/Sabtu**
Masa	:	**9.00 pagi**
Tempat	:	**Swiss-Garden Hotel Melaka, T2-4 The Shore @ Melaka River, Jalan Persisiran Bunga Raya, 75300 Melaka Tengah, Melaka**

AGENDA

1. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 62

2. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 61 yang telah diadakan pada 17hb Ogos 2024

3. Menerima dan meluluskan Laporan Akaun Teraudit Koperasi dan subsidiari-subsidiari Koperasi MCIS Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

4. Menerima dan meluluskan :-
   i. Laporan Berkanun Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024
      a) cadangan bayaran dividen pada kadar 7%
      b) cadangan bayaran honorarium Lembaga tertakluk kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
   ii. Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

5. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga, dua (2) orang Anggota Lembaga dikalangan Perwakilan Koperasi dan satu (1) orang Anggota Lembaga di kalangan Perwakilan Individu untuk tempoh tiga (3) tahun. Anggota Lembaga yang bersara mengikut giliran adalah seperti berikut :-
   i. Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Perwakilan Koperasi)
   ii. Dato' Khairul Walid Mohamed (Perwakilan Koperasi)
   iii. YB Dr Gunarajah R.George (Perwakilan Individu)

6. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan Koperasi seperti diperuntukkan dibawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993 kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dan menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dengan kadar faedah semasa dipasaran.

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

7. Meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) dan tidak lebih daripada empat (4) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

8. Menimbang dan meluluskan kajian semula anggaran belanjawan bagi tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 dan menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

9. Mendengar, membahas dan memutus sebarang usul yang disampaikan kepada Setiausaha Koperasi secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 62.

Dengan Perintah Lembaga
Koperasi MCIS Berhad



BALASUPRAMANIAM A/L RAMANAIDU
Setiausaha
Tarikh : 7hb Ogos 2025

Sk. Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

PERHATIAN :

i) **PENJELASAN BERKENAAN LAPORAN DAN AKAUN**
Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu yang ingin mendapatkan sebarang penjelasan berkenaan Laporan dan Akaun adalah diminta menghantarkan soalan-soalan mereka secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ini diadakan.

ii) **PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**
Sila bawa penyata kewangan berakhir 31 Disember 2024 semasa menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 62

PERINTAH TETAP MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI MCIS BERHAD

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi.

4. Perkara-Perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat. Semua perkara yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara yang lain.

5. Korum

Korum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat dan ditandatangani oleh Pengerusi, ahli-ahli boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan sama sekali.

7. Setiausaha Mesyuarat

Mesyuarat Agung boleh melantik seorang Setiausaha untuk mencatat perjalanan mesyuarat dan hendaklah menyerahkan Minit Mesyuarat itu kepada Setiausaha Koperasi ini dalam tempoh dua minggu dari tarikh Mesyuarat Agung diadakan.

8. Hak-hak Perwakilan

Perwakilan yang sah dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan, sokongan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Agenda Mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

9.1 Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor " Telah diterima dan diluluskan".

9.2 Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan dari lain-lain perkara. Sesuatu syor hendaklah dibuat terhadap mana-mana bilangan dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini hendaklah mengenai perkara yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.

10. Tertib Bercakap

10.1 Perwakilan yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah ia berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, perwakilan terdahulu bangun diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada Pengerusi.

10.2 Perwakilan tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Tetapi sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul, seseorang perwakilan, sungguhpun telah bercakap semasa perbincangan usul asal, boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.

10.3 Seseorang perwakilan tidak boleh mengganggu perwakilan yang sedang bercakap kecuali :-

a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu perwakilan yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkan buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau

b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh perwakilan yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat

perwakilan yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan perwakilan yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

10.4 Jika seseorang perwakilan mengganggu perwakilan lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan engkar mematuhi arahan Pengerusi apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.

10.5 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, perwakilan yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain perwakilan tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Perwakilan yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberikan hendaklah tidak melebihi dua minit.

12. Isi-isi Ucapan

12.1 Perwakilan hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut

12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

12.4 Seseorang perwakilan tidak boleh menggunakan bahasa biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap perwakilan lain.

12.5 Nama, kelakuan dan sifat Ke Bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Mesyuarat.

12.6 Seseorang perwakilan yang bercakap tidak boleh menggunakan :-

a) perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
b) perkataan-perkataan yang membangkitkn perasaan melawan kuasa kerajaan, dan

c) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu perkara dikemukakan kepada mesyuarat, seorang perwakilan boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak menyalahi dari segi mana-mana peraturan, maka perkara itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang (bahas) walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (motion)

14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai "Pindaan".

14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam Agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.

14.4 Seseorang perwakilan yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung. Tetapi disyaratkan pindaan itu pada timbangan Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya telah dimasukkan dalam Agenda, Pengerusi, apabila sampai masanya, hendaklah mengisytiharkan dalam Mesyuarat Agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

5.2 Seseorang perwakilan tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada peraturan 18 Perintah Tetap ini.

17. Hak Menjawab

17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa pindaan.

18. Pengundian

18.1 Semua perkara hendaklah diputuskan secara kolektif dan bersama oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu.

18.2 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara angkat tangan melainkan satu pungutan undi (poll) diminta oleh mana-mana proksi koperasi anggota sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan. Jika undi sama banyak, maka perkara yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah dan Pengerusi Mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

18.3 Pemilihan anggota-anggota Lembaga hendaklah juga diputuskan oleh perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara kolektif dan bersama dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-

the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu. Perwakilan Koperasi anggota, di samping mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan koperasi anggota, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu dan pada masa yang sama perwakilan anggota-anggota individu, di samping mengundi untuk calon-calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan Koperasi anggota.

18.4 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.

18.5 Hak dan bilangan undi perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi.

18.6 Satu Jawatankuasa Pemerhati seramai tiga (3) orang dan lima (5) orang pengira undi hendaklah dilantik dari kalangan perwakilan yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

19. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa Mesyuarat sedang berjalan :-

a) perwakilan hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau meminta diri daripada Dewan dengan tertib adab ;
b) seseorang perwakilan tidak boleh melintas ruangan tengah Dewan tanpa apa-apa urusan ;
c) perwakilan tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali risalah yang ada kena mengena dengan perkara yang dibahaskan;
d) masa seseorang perwakilan bercakap, perwakilan lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

20. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

20.1 Bila perwakilan ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana perwakilan yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

20.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya Perintah Tetap Mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

20.3 Pengerusi, setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseoarang perwakilan yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan ia berhenti bercakap.

20.4 Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana perwakilan yang berkelakuan tidak senonoh (biadab) keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

20.5 Perwakilan yang diperintah keluar menurut 21.4, dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

20.6 Sesuatu perkara yang berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive), maka perkara itu hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

20.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan pleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip keadilan sejagat (natural justice) hendaklah dipakai.

20.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pada pandangannya didapati wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

21. Penggantungan Mana-mana Peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan

Mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwaklan ini boleh diketepikan atas cadangan mana-mana perwakilan berhubung dengan mana-mana perkara khas mengenai kelicinan pengendalian mesyuarat dengan syarat cadangan itu hendaklah dipersetujui dengan kelebihan undi dua pertiga (2/3)

22. Kuasa Pembatalan

Lembaga dari masa kesemasa boleh mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Agung bagi membatalkan atau meminda mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

Diakui Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad** dibentang, dibincang dan diterima dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 37 **Koperasi MCIS Berhad** yang diadakan pada 25 Mac 2000 dan perintah Tetap ini hendaklah digunapakai pada 25 Mac 2000 dan hendaklah dipatuhi oleh semua Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad**.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA KOPERASI MCIS BERHAD

Gunapakai Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi MCIS Berhad berkuatkuasa pada 25 Mac 2000 dan seterusnya.

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-ke-61
KOPERASI MCIS BERHAD

TARIKH/HARI : 17hb Ogos 2024/SABTU

MASA : 9.00 pagi

TEMPAT : Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya
No. 12, Lorong Utara A, Off Jalan Utara
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

HADIR :
(a) YB DR Gunarajah R.George (Pengerusi),
Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman
Koperasi (Lampiran A1/A2)*
(b) 78 perwakilan Koperasi Anggota (Lampiran A1)
(c) 37 perwakilan Anggota Individu (Lampiran A2)

TURUT HADIR :
(a) En. Hamni b Mat Dros - Pegawai Suruhanjaya Koperasi (SKM)
(b) Encik K.Manimaran Krishnan - Penolong Pengurus Besar
(c) Puan Thilaga Pariasamy - Pengurus Operasi/Akaun
(d) Puan Rosmah binti Asnawi - Pengurus/Pencatat Minit

---

* ***Kehadiran Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti tercatat di Lampiran A1/A2.***

Ucapan Aluan Setiausaha

Dr Letchumanan Amaippen selaku Setiausaha Koperasi mengalu-alukan kehadiran para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-61 Koperasi MCIS Berhad dan seterusnya memperkenalkan angota-anggota Lembaga kepada para perwakilan. Beliau kemudiannya mengucapkan terima kasih tidak terhingga atas masa yang diluang oleh para perwakilan untuk sama-sama melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan dalam menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 61.

Setiausaha juga memaklumkan selain menjalankan mesyuarat mengikut agenda yang ditetapkan, Pengerusi Koperasi akan menyampaikan ucapannya bagi menerangkan perkembangan, status koperasi dan menerangkan cabaran-cabaran yang dihadapi serta penyelesaiannya. Akhirnya sokongan padu yang ditunjukkan oleh para perwakilan amat dihargai dan bersama-sama kita membangunkan agenda koperasi.

UCAPAN PENGERUSI (Lampiran 1)

Pengerusi mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan koperasi anggota, perwakilan individu Koperasi MCIS Berhad dan barisan Lembaga terdiri daripada En. Balasupramaniam Ramanaidu (Timbalan Pengerusi), Dr Letchumanan Amaippen (Setiausaha), En. Venkatasal Rao Nookaiah (Bendahari), En Thankarajoo Subramaniam dan Anggota-Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad. Pengerusi turut mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran En. Hamni bin Mat Dros Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), di atas kehadiran ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-61.

Selesai Ucapan Pengerusi

En. Balraj Kuppu, perwakilan individu mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi atas ucapan bernas. Beliau memaklumkan sejak dahulu lagi semua pemegang saham dan kumpulan agensi-agensi telah berusaha bekerja keras tanpa mengenal penat, mengumpul tenaga dan dana untuk membeli bangunannya bermula dari Jalan Ampang dan seterusnya ke Wisma MCIS, Petaling Jaya. Penghargaan atas usaha koperasi membeli Wisma MCIS, ianya bukan setakat bangunan sebaliknya adalah getaran perasaan semua anggota-anggota yang terlibat dalam membangunkan koperasi sehingga berdiri teguh pada hari ini. Terima kasih atas kerja keras Lembaga yang diterajui oleh YB Dr Gunarajah George, Pengerusi Koperasi MCIS Berhad.

SETERUSNYA PENGESAHAN KOURUM MESYUARAT

Mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-61 mengesahkan korum mesyuarat mencukupi. Proksi koperasi seramai 78 wakil dengan jumlah undi 5118 dan individu 37 orang dengan jumlah undi 37, jumlah keseluruhan 115 wakil dan 5155 undi.

AGENDA 1
MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-61.

1.1 Pengerusi telah meminta perwakilan menamakan calon-calon yang akan menganggotai Jawatankuasa penentusahan deraf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-61. Calon-calon adalah seperti berikut :-

i. En. Abd Rahman bin Bakar (Koperasi Bersekutu Pulau Pinang Berhad)
ii. En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Koperasi Runcas Malaysia Berhad)
iii. En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan, (Individu)
iv. En. Vadivellu a/l Perumal (Koperasi Keretapi Malaysia Berhad)
v. En. Sanni Babu a/l Themudoo, (Individu)
vi. En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, (Individu)
vii. Tn Hj Adnan bin Awang (Koperasi Guru-Guru DTC Malaysia Berhad)
viii. En. Mawardi bin Nayan (Koperasi Bumiputera Kedah Berhad)

1.2 Mesyuarat menerima lapan (8) pencalonan penentusahan dan seterusnya pengundian dijalankan bagi memilih enam (6) orang penentusahan minit mesyuarat agung.

1.3 Pengundian dijalankan dan keputusan pemilihan calon penentusahan yang berjaya adalah seperti berikut : -

i. En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan – 65 undi
ii. Tn Hj Adnan bin Awang – 59 undi
iii. En. Sanni Babu a/l Themudoo – 51 undi
iv. En. Vadivellu a/l Perumal – 49 undi
v. En. Abd Rahman bin Bakar – 49 undi
vi. En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai – 45 undi

1.4 Untuk pemilihan dari kalangan Lembaga mesyuarat menyerahkan Lembaga Koperasi melantik Pengerusi koperasi dan tiga (3) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa penentusahan deraf minit.

1.5 Mesyuarat menerima dan bersetuju dengan sebulat suara perlantikan semua Anggota Jawatankuasa penentusah deraf minit di atas.

Cadangan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad
Sokongan : En. Kanakaraj a/l Subramaniam, perwakilan individu

AGENDA 2
MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-60 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30hb SEPTEMBER 2023

2.1 Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-60 seperti yang tercatat dalam buku laporan untuk mendapatkan pengesahan daripada perwakilan.

2.2 En. Manickam Ramasamy, proksi Koperasi Perumahan Ipoh Bahru Berhad memohon penjelasan berkaitan kes En. Govindarajoo G.Arumugam yang mana mesyuarat agung lepas memberi mandat kepada Lembaga membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi.

2.3 Setiausaha memberikan penjelasan bahawa Mahkamah telah mengenepikan gantirugi yang dianugerahkan oleh Tribunal Koperasi (Responden Pertama) sebanyak RM138,000.00 kepada En. Govindarajoo G.Arumugam (Responden Kedua) yang telah dibayar oleh Koperasi MCIS Berhad (Perayu) kepada Peguam Responden Kedua sebagai 'stakeholder'. Mahkamah memerintahkan gantirugi dipulangkan semula kepada Koperasi MCIS Berhad.

2.4 Minit mesyuarat tersebut diterima dan disahkan dengan sebulat suara.

Cadangan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad
Sokongan : En. Ganesan a/l Rajamanickam, proksi Koperasi Maju Jaya (M) Berhad

AGENDA 3

MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI MCIS BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023.

3.1 Pengerusi membentangkan laporan akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, rujuk muka surat 65 hingga muka surat 96.

3.2 En. Sundararaj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad memohon penjelasan berkaitan pembayaran dividen di muka surat 90 ;

Nota 36 – Cadangan Dividen

	KUMPULAN DAN KOPERSI	
	2023	2022
	RM	RM
(a) Dividen atas modal syer		
Baki pada awal tahun	4,052,822.58	6,767,851.54
Dividen dicadangkan 5% atas modal syer	3,222,958.55	4,052,822.58
Dividen dicadangkan 5% atas modal syer bonus	141,833.35	-
	7,417,614.48	10,820,674.12
Dibayar dalam tahun	(3,277,465.86)	(6,767,851.54)
Baki pada 31 Disember	4,140,148.62	4,052,822.58

3.3 En. K.Manimaran Krishnan Penolong Pengurus Besar memberi penerangan bahawa kedudukan akaun tersebut adalah betul dan tidak perlu dibuat pelarasan. Pengerusi memaklumkan bahawa akaun koperasi telah diaudit oleh Bahagian Audit, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Walau bagaimanapun Pengerusi menyarankan untuk penerangan lanjut berkaitan akaun koperasi, angota-anggota boleh berhubung terus dengan En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar.

3.4 Puan Marsita Othman, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad memohon penjelasan berkaitan kekerapan mesyuarat Lembaga bagi tahun 2023 dimukasurat 56 iaitu pada bulan September 2023 sebanyak empat (4) kali telah diadakan.

3.5 Pengerusi memberi penjelasan seperti berikut :-

a. Tarikh 6/9/2023 – mesyuarat Lembaga Bil. 06-2022/2023 (mesyuarat bulanan)
b. Tarikh 11/9/2023 – mesyuarat khas bagi membincang perkara berkaitan penggiliran Anggota Lembaga dan kes tribunal yang dibawa oleh En. Govindarajoo G.Arumugam
c. Tarikh 25/9/2023 – mesyuarat khas bagi pengesahan calon-calon yang akan bertanding jawatan Anggota Lembaga, proksi-proksi koperasi dan lain-lain perkara berkaitan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-60

d. Tarikh 30/9/2023 – mesyuarat pertama selepas mesyuarat agung, pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Jawatankuasa Kerja (EXCO) Koperasi MCIS Berhad

3.6 Mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara laporan akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
Sokongan : En. Sundararaj a/l Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad
Cadangan : En. Kanakaraj a/l Subramaniam, perwakilan individu

AGENDA 4
MENERIMA DAN MELULUSKAN :-

i. **Laporan Berkanun Lembaga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023**
   a) **Cadangan bayaran dividen pada kadar 5%**
   b) **Cadangan bayaran honorarium lembaga tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

ii. **Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Dan Laporan Juruaudit Luar Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023**

4.1. Pengerusi memaklumkan bahawa Laporan Berkanun Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah terkandung dalam buku laporan tahunan 2023, seperti tercatat di muka surat 58 dan 59.

Bayaran Dividen Pada Kadar 5%
Cadangan dividen dibayar pada kadar 5% atas baki modal syer dan syer bonus dan bayaran dividen akan hanya dibayar setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

En. Vadivelu Perumal, proksi Koperasi Keretapi Malaysia Berhad memohon kadar dividen dibayar sebanyak 8%, beliau juga meminta interim dividen dibayar sekiranya kewangan koperasi membenarkan.

Pengerusi telah memaklumkan bahawa keuntungan koperasi tidak memuaskan. Dividen dibayar daripada kumpulan wang keuntungan terkumpul dan kadar bayaran dividen yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah maksima sebanyak 5%. Pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pembayaran Honorarium
Cadangan bayaran honorarium tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

4.2 Pengerusi membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (muka surat 60 dan 61) dan juga membentangkan laporan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (muka surat 62 hingga 64).

4.3 Mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara semua laporan yang dibentangkan di atas.
Cadangan : Datuk Dr Hj Azih bin Muda, proksi Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad
Sokongan : En. Loganathan a/l Velloo , perwakilan individu

AGENDA 5

MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA, DUA (2) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN KOPERASI DAN SATU (1) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN INDIVIDU UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN. ANGGOTA LEMBAGA YANG BERSARA MENGIKUT GILIRAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

i. **En. Papiyah a/l Rajamian (Koperasi Bahau Negeri Sembilan Berhad)**
ii. **En. Sri Ram a/l Mookiah (Koperasi Perumahan Kuala Lumpur Berhad)**
iii. **En. Balasupramaniam a/l Ramanaidu (perwakilan individu)**

5.1 **Memilih Tiga (3) Orang Anggota Lembaga** ;

5.1.1 En. Ganesan a/l Rajamanickam (Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad) menarik perhatian perwakilan bahawa pencalonan beliau ditolak atas alasan tiada penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) 'kriteria layak dan sesuai'. Beliau membangkitkan dalam tempoh terhad daripada tarikh penerimaan notis diterima bagaimana penentusahan SKM boleh diperolehi. Beliau meminta koperasi menghantar notis bagi memaklumkan permohonan penentusahan SKM dibuka untuk semua koperasi anggota dan perwakilan individu seperti tertakluk dalam Garis Panduan 3 (GP 3).

5.1.2 Setiausaha mengambil maklum di atas perkara yang dibangkitkan dan memaklumkan untuk masa hadapan semua perwakilan yang ingin bertanding setiap pencalonan Anggota Lembaga perlu mendapatkan penentusahan SKM, borang penentusahan SKM/BP & SKM/KEW boleh didapati melalui sesawang www.skm/GP3 dan seterusnya dihantar kepada Koperasi. Bagi mengelakkan kekeliruan pada masa hadapan perwakilan semua diingatkan sekiranya berminat untuk menjadi calon Anggota Lembaga, perwakilan dikehendaki menghantar borang penentusahan pada atau sebelum bulan April setiap tahun.

5.1.3 Selain itu, Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad meminta pihak koperasi menghantar notis memaklumkan mesyuarat akan diadakan dalam tempoh tertentu dan semua perwakilan yang berminat untuk mencalonkan diri sebagai Anggota Lembaga dihendaki menghantar borang penentusahan SKM yang boleh didapati di laman sesawang SKM.

5.1.4 Pengerusi mengambil maklum di atas cadangan yang dibangkitkan dan akan membuat penambahbaikan perkara tersebut.

5.1.5 Pengerusi memaklumkan tiga (3) Anggota Lembaga yang bersara mengikut tempoh adalah seperti berikut :-

- En. Papiyah a/l Rajamian (Koperasi Bahau Negeri Sembilan Berhad)
- En. Sri Ram a/l Mookiah (Koperasi Perumahan Kuala Lumpur Berhad)
- En. Balasupramaniam a/l Ramanaidu (Perwakilan Individu)

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Anggota Lembaga di atas yang telah memberi khidmat bakti dalam Koperasi MCIS Berhad selama tempoh perkhidmatan

5.1.6 Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memberi cadangan untuk masa hadapan sekiranya ada calon yang menawarkan diri untuk bertanding, nama calon penyandang dan calon bertanding hendaklah dimasukkan dalam agenda atau sebaliknya. Pengerusi mengambil maklum perkara yang dibangkitkan dan akan dilaksanakan jika sesuai.

5.1.7 Selain itu ada juga cadangan supaya calon-calon bertanding memperkenalkan diri serta menyertakan latar belakang kelulusan dan visi/matlamat untuk menjadi Anggota Lembaga di Koperasi MCIS Berhad. Pengerusi memaklumkan cadangan baik tersebut hanya akan dilaksanakan pada tahun hadapan sekiranya perlu.

5.1.8 Pengerusi meneruskan agenda, untuk pemilihan Anggota Lembaga dari kalangan koperasi anggota dimaklumkan bahawa koperasi telah menerima lima (5) pencalonan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Calon-calon adalah seperti berikut :-

i. En. Papiyah a/l Rajamian (Koperasi Bahau Negeri Sembilan Berhad)
ii. Datuk Goh Ah Ling (Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad)
iii. En. Balasundaram a/l Kumarasamy (Koperasi Yatra Hindu Malaysia Berhad)
iv. Tn Hj. M.Nasir bin Ramli (Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad)
v. En. Ganesan a/l Rajamanickam (Koperasi Maju Jaya (M) Berhad)

Berdasarkan kepada penentusahan SKM 'kriteria layak dan sesuai' mematuhi GP3, hanya empat (4) calon diterima dan disahkan untuk bertanding. Pencalonan En. Ganesan a/l Rajamanickam (Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad) pencalonannya ditolak kerana tiada penentusahan SKM, rujuk perbincangan di atas.

5.1.9 Untuk pemilihan Anggota Lembaga dari kalangan individu, koperasi telah menerima tiga (3) pencalonan, senarai calon adalah seperti berikut :-

i. En. Balasupramaniam a/l Ramanaidu
ii. En. Balachandran a/l Sundraman
iii. En. Kanakaraj a/l Subramaniam

5.1.10 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa sebelum pengundian dilaksanakan, kesemua calon-calon bertanding telah mendapat kelulusan penentusahan 'kriteria layak dan sesuai' untuk bertanding daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5.2 Pelantikan Pengira Undi & Pemerhati

5.2.1 Dimaklumkan bahawa mesyuarat melantik seorang Ketua Pengira Undi dan sepuluh (10) orang Pengira Undi dan Pemerhati.

5.2.2 Mesyuarat telah dengan sebulat suara bersetuju melantik pengira undi dan pemerhati adalah seperti berikut :-

i. En. Rabee @ Ravin a/l Marimuthu , Perwakilan Individu (Ketua Pengira Undi)
ii. En. Kesavan a/l Saundarajoo Naidu, Perwakilan Individu
iii. En. Sanni Babu a/l Themudoo, Perwakilan Individu
iv. En. Muniandy a/l Golandan, Proksi Koperasi
v. En. Abd Rahim bin Ilin, Proksi Koperasi
vi. En. Lachumanam a/l Govindan, Perwakilan Individu
vii. En. Thirumanickam a/l Manickam Pillai, Proksi Koperasi
viii. En. Mawardi bin Nayan, Proksi Koperasi
ix. En. Nadarajah a/l Nallan, Perwakilan Individu
x. En. Mahinder a/l S.Monacha Surjit Singh, Perwakilan Individu
xi. En. Loganathan a/l Velloo, Perwakilan Individu

5.2.3 Mesyuarat mengumumkan bahawa kertas undi boleh diperolehi daripada Pegawai bertugas yang menjalankan proses pengundian mengikut tatacara yang ditetapkan sesuai iaitu semua proksi koperasi dan perwakilan individu menjalankan pengundian ditempat yang telah ditetapkan. Pengundian berjalan lancar dan selesai dengan jaya.

5.2.4 Kotak Undi dibawa ke bilik pengiraan undi oleh En. Rabee @ Ravin a/l Marimuthu, perwakilan individu (Ketua Pengira Undi), sepuluh (10) orang pengira undi serta pemerhati dan dua (2) orang kakitangan koperasi.

5.2.5 Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad membangkitkan bahawa pengundian yang dilaksanakan pada hari ini perlu dikaji semula kerana tidak mengikut prinsip koperasi iaitu satu koperasi satu undi contohnya 100 koperasi hadir pada hari ini maka undi dikira hanya 100 undi. En. Kanakaraj a/l Subramaniam, perwakilan individu menyokong cadangan tersebut. Beliau memohon Pengerusi mengambil perhatian tentang perkara ini.

5.2.6 En. Mariappan Semalai, proksi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad menarik perhatian bahawa cadangan yang dibangkitkan tersebut terpakai kepada koperasi asas, Koperasi MCIS Berhad adalah koperasi menengah. Perlaksanaan atau peraturan pengundian adalah tertakluk atau mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) sesebuah koperasi, sebarang perubahan jumlah undi atau sebaliknya UUK hendaklah dipinda terlebih dahulu. Setiap pindaan UUK yang hendak dilaksanakan perlu mengikut jumlah pengundian seperti dalam UUK sedia ada.

5.2.7 Pengerusi memaklumkan bahawa pengundian berdasarkan jumlah undi adalah untuk mengawal pelaburan koperasi-koperasi yang melabur dengan jumlah modal yang besar. Beliau juga memaklumkan perkara ini telah dibangkitkan oleh perwakilan beberapa kali. Walau bagaimanapun perkara ini perlu kajian menyeluruh sebelum tindakan atau keputusan diambil. Mesyuarat ambil maklum.

Nota : Keputusan pengiraan undi telah dibacakan oleh En. Rabee @ Ravin a/l Marimuthu (Ketua Pengira Undi) dan keputusan adalah seperti berikut :-

5.3 KEPUTUSAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KATEGORI PERWAKILAN KOPERASI ANGGOTA.

5.3.1 Berikut adalah keputusan pemilihan Anggota Lembaga bagi kategori Perwakilan Koperasi Anggota :-

i. En. Papiyah a/l Rajamian (Koperasi Bahau Negeri Sembilan Berhad) – 1121 undi
ii. Datuk Goh Ah Ling (Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad) – **3587 undi**
iii. En. Balasundaram a/l Kumarasamy (Koperasi Yatra Hindu Malaysia Berhad) –**3656 undi**
iv. Tn Hj. M.Nasir bin Ramli (Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad) – 1505 undi

Undi Rosak : 2 undi

5.3.2 Dengan keputusan ini, kategori perwakilan koperasi yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

i. **Datuk Goh Ah Ling (Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad) – 3587 undi**
ii. **En. Balasundaram a/l Kumarasamy (Koperasi Yatra Hindu Malaysia Berhad) – 3656 undi**

5.3.3 Berikut adalah keputusan pemilihan Anggota Lembaga bagi kategori perwakilan individu :-

i. En. Balasupramaniam a/l Ramanaidu – 3789 undi
ii. En. Balachandran a/l Sundraman – 119 undi
iii. En. Kanakaraj a/l Subramaniam – 1155 undi

Undi Rosak : 7 undi

5.3.5. Kategori perwakilan individu yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

i. **En. Balasupramaniam a/l Ramanaidu – 3789 undi**

5.3.6. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga yang telah berjaya dipilih dalam mesyuarat agung pada hari ini. Semoga Anggota Lembaga yang dipilih dapat menjalankan amanah yang telah diberi oleh perwakilan. Syabas dan Tahniah kepada yang telah berjaya.

AGENDA 6

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS JUTA SAHAJA (RM500,000,000.00) BAGI TAHUN 2024 DAN 2025 DAN MENETAPKAN HAD KETERHUTANGAN PINJAMAN LUAR KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS JUTA SAHAJA (RM500,000,000.00)

6.1. Pengerusi membentangkan perkara di atas untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat, skop dan had pelaburan adalah sebagai persediaan bagi membuat pelaburan dalam mempelbagaikan perniagaan dan had keterhutangan koperasi adalah mendapatkan pinjaman luar mengikut keperluan dengan faedah pasaran semasa dan sebagai persediaan dalam mempelbagaikan perniagaan atau lain-lain.

6.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan skop serta had pelaburan koperasi dan keterhutangan pinjaman luar kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus Juta (RM500,000,000.00) seperti tersebut di atas.
Cadangan : En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, perwakilan individu
Sokongan : En. Vadivellu a/l Perumal, proksi Koperasi Keretapi Malaysia Berhad

AGENDA 7

MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) DAN TIDAK LEBIH DARIPADA EMPAT (4) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

7.1. Pengerusi membentangkan perkara di atas, bagi memilih mana-mana firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

7.2. En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, perwakilan individu meminta pengurangan bayaran audit sekiranya Bahagian Audit, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melaksanakan pengauditan koperasi. Pengerusi memaklumkan bahawa Bahagian Audit SKM telahpun memberi pengurangan bayaran audit.

7.3. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga untuk memilih mana-mana firma audit atau Bahagian Audit SKM bagi menjalankan pengauditan akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.
Cadangan : En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, perwakilan individu
Sokongan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad

AGENDA 8

MENIMBANG DAN MELULUSKAN KAJIAN SEMULA BELANJAWAN BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024 DAN MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGARAN BELANJAWAN TEMPOH 1 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2025

8.1. Pengerusi membentangkan belanjawan bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 dan 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 seperti yang tercatat di muka surat 97 dalam buku laporan tahunan 2023.

8.2. Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad memohon penjelasan berkaitan anggaran belanjawan fi professional kaji semula tahun 2024 sebanyak RM200,000.00 dan dalam anggaran tahun 2024 sebanyak RM50,000.00 kenaikan dalam kaji semula ini dilihat luar jangka dan tahun 2025 pula anggaran sebanyak RM100,000.00 maka beliau memohon berdasarkan apakah anggaran tersebut ditetapkan.

8.3. Pengerusi memberi penjelasan kenaikan fi professional dalam anggaran kaji semula 2024 adalah disebabkan bayaran guaman kepada firma guaman yang dilantik oleh koperasi bagi mengendalikan dua kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi. Kes Koperasi MCIS Bhd vs Govindarajoo a/l G.Arumugam seperti diluluskan dalam mesyuarat agung lepas, kes diteruskan ke Mahkamah Tinggi dan kes Rasalingam Kanagalingam vs Koperasi MCIS Berhad, En. Rasalingam Kanagalingam membawa kes ke Mahkamah Tinggi Seremban. Koperasi terpaksa melantik firma guaman untuk mengendalikan kes-kes tersebut.

8.4. Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memohon tambahan elaun berikutan kenaikan tambang bagi menghadiri mesyuarat agung, beliau menarik perhatian permohonan tambahan elaun yang dibangkitkan setiap tahun masih belum dilaksanakan.

8.5. Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi telah dua (2) tahun menyediakan penginapan dan majlis makan malam bagi memudahkan dan meraikan perwakilan untuk hadir ke mesyuarat agung. Walau bagaimanapun perkara ini akan dikaji mengikut keperluan.

8.6. Selain itu, Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad memohon penjelasan peruntukan hutang ragu bagi hutang yang tidak boleh dikutip, berapakah kadar hutang sebenar?

8.7. En.K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar memaklumkan bahawa koperasi ada memberi pinjaman kepada anggota, hutang ragu yang masih belum dituntut adalah sebanyak RM200,000.00 dan peruntukan hutang ragu dalam anggaran belanjawan adalah 10% iaitu sebanyak RM20,000.00.

8.8. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh yang ditetapkan diatas.

Cadangan : Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad

Sokongan : En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, perwakilan individu

AGENDA 9

MENERIMA DAN MELULUSKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI MCIS BERHAD (LAMPIRAN)

9.1. Pengerusi membentangkan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) seperti di lampiran mukasurat 8.

9.2. Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad membangkitkan beberapa perkara seperti berikut :-

a. Beliau memohon pencerahan, beliau juga adalah anggota individu sepanjang pengetahuannya beliau tidak pernah membuat potongan yuran, beliau cuma ada saham dalam koperasi dan beliau merujuk kepada justifikasi para (vi) bayaran yuran hanya terpakai kepada anggota yang membuat pinjaman (kredit)
b. Beliau sedia maklum sekiranya koperasi kredit potongan yuran kepada anggota adalah wajib, boleh rujuk kepada SKM, beliau juga memohon rujuk adakah koperasi mempunyai aturan-aturan berkaitan perkara ini
c. Selain itu beliau ingin membuat tambahan saham sekiranya dibenarkan kerana setakat ini Koperasi beliau hanya mempunyai saham sebanyak RM150,000.00. Beliau mencadangkan tambahan saham dibenarkan kerana jumlah undi berpandukan kepada saham yang dimiliki.

9.3. En. Sundararaj a/l Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Malaysia Berhad memberi pandangan sekiranya koperasi membenarkan anggota mengeluarkan semua yuran dalam satu masa koperasi akan menghadapi kekangan kewangan sekiranya aktiviti pinjaman dilaksanakan semula. Beliau mencadangkan pengeluaran dibenarkan kepada anggota hanya 70% sahaja dalam tempoh lima (5) tahun sekali

9.4. En. Vadivelu Perumal, proksi Koperasi Keretapi Malaysia Berhad mencadangkan pindaan undang-undang kecil ini ditangguhkan untuk sementara waktu dan dibawa semula pada tahun 2025 sehingga dikaji semula, Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad menyokong cadangan tersebut.

9.5. Pengerusi meminta En. K.Manimaran a/l Krishnan, Penolong Pengurus Besar memberi pejelasan berkaitan cadangan usul pindaan UUK seperti di lampiran mukasurat 8:-

a. Akaun yuran adalah tanggungan atau libiliti yang layak menerima dividen
b. Selain itu dividen yang tidak dituntut juga dimasukkan ke akaun yuran

c. Lama kelamaan akaun ini semakin meningkat dan anggota sebahagiannya pula ingin mengeluarkan yuran tetapi masih mahu mengekalkan sahamnya di koperasi
d. UUK Koperasi tidak membenarkan yuran dikeluarkan kecuali anggota berhenti daripada keanggotaannya

9.6. En. Mariappan a/l Semalai, proksi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad memaklumkan bahawa Koperasi MCIS Berhad aktiviti utamanya bukanlah kredit dan potongan yuran RM30.00 setiap bulan tidak terpakai kepada anggota-anggotanya maka pandangan beliau sesiapa yang mempunyai yuran dalam akaun yuran boleh dikeluarkan tanpa mengeluarkan saham yang ada. Oleh kerana tiada klausa yang membenarkan akaun yuran boleh dikeluarkan kecuali anggota berhenti menjadi anggota maka tambahan klausa dibenarkan. Beliau percaya perkara ini telah dikaji oleh pihak pengurusan dan dibincang bersama Lembaga Koperasi. Beliau mencadangkan tambahan klausa ini diluluskan.

9.7. Pengerusi meminta pandangan daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebelum sebarang keputusan diambil, En. Hamni bin Mat Dros Pegawai SKM memberitahu Koperasi MCIS Berhad bukan fungsi utama koperasi kredit sebaliknya adalah koperasi yang menjalankan sebahagian aktiviti kredit yang membuat potongan yuran anggotanya, walau bagaimanapun pemberian kredit kepada anggota telah lama terhenti. Selain itu, dividen anggota yang tidak dituntut turut dikreditkan kedalam akaun modal yuran. Berdasarkan kepada kelaziman koperasi-koperasi dividen tidak dituntut boleh dikreditkan dalam akaun deposit, tetapi menjadi masalah apabila dividen tersebut terlalu lama dalam akaun deposit dan terpaksa dihantar kepada kumpulan wang tidak dituntut. Pada pendapat beliau cadangan koperasi untuk tambahan klausa tidak menjadi masalah dan dibolehkan berdasar tuntutan yuran/dividen hanya dibayar kepada anggota yang memohon sahaja.

9.8. Daripada perbincangan diatas pindaan Undang-undang Kecil 58 (a) boleh diluluskan dan Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, Proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad meminta pada tahun hadapan perkara ini perlu di bawa semula untuk di tambahbaik iaitu dividen tidak dituntut yang dimasukkan kedalam akaun yuran tidak perlu dibayar dividen perlu ada tambahan klausa yang lebih jelas.

9.9. En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, perwakilan individu menarik perhatian berkaitan dividen yang tidak dituntut pada pandangan beliau kemungkinan anggota tidak mendapat maklumat yang tepat, mereka sangka sekiranya dividen tidak dituntut dividen tersebut dipindah ke modal saham. Oleh itu Koperasi perlu menghantar notis kepada anggota-anggota yang dividen tidak dituntut supaya tidak membebankan koperasi pada masa hadapan.

9.10. Mesyuarat meluluskan cadangan tambahan pindaan klausa (a) dan pada tahun hadapan akan semak semula untuk penambahbaikan.
Cadangan : En. Mariappan a/l Semalai, proksi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad
Sokongan : Tn Hj Mohamed Shafie bin Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad

AGENDA 10

MENERIMA DAN MELULUSKAN CADANGAN PENJUALAN SAHAM SEBANYAK SEPULUH (10) JUTA UNIT PELABURAN KOPERASI DALAM MCIS INSURANCE BERHAD SEKIRANYA TAWARAN DIKELUARKAN.

Cadangan Penjualan Saham Perniagaan Insuran Hayat dalam MCIS Insurance Berhad sebanyak 10 juta unit kepada pembeli berpotensi

10.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada tahun lepas mandat telah diberi untuk penjualan saham dalam MCIS Insurance Berhad. Lembaga Koperasi MCIS Berhad telah bersetuju mencadangkan semula usul cadangan penjualan saham syarikat perniagaan insuran hayat iaitu MCIS Insurance Berhad sebanyak 10 juta unit kepada pembeli berpotensi (Berjaya Group). Untuk makluman sehingga kini penjualan saham dalam MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad masih belum diluluskan oleh Bank Negara.

10.2. En. S.Ahlaimuniandy, proksi Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad menarik perhatian perwakilan bahawa Koperasi MCIS Berhad perlu bergerak kehadapan (moving forward) dan satu-satunya koperasi yang ada pelaburan perniagaan insuran dalam MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad malangnya kedua-duanya tidak memberi pulangan atas pelaburan tersebut.

- Berjaya Group telah mendapat kebenaran daripada Bank Negara untuk memulakan perbincangan bersama majoriti pemegang saham iaitu SANLAM dalam MCIS Insurance Berhad. Berdasarkan kepada perjanjian jual beli yang telah dimeterai bersama SANLAM, beliau yakin Koperasi mempunyai klausa iaitu menjaga kepentingan minoriti pemegang saham. Minoriti pemegang saham tidak boleh diketepi/diabaikan oleh Berjaya Group.

- Sekiranya Berjaya Group mengambil alih 51% pegangan saham SANLAM, Berjaya Group perlu menawarkan tawaran jualan tersebut kepada Koperasi MCIS Berhad dan pemegang saham individu yang lain.

- Selain itu, dalam usaha untuk bergerak kehadapan, perkara yang sangat dikuatiri adalah keupayaan koperasi untuk mengeluarkan tambahan modal dalam pelaburannya di MCIS Insurance Berhad dengan arahan Bank Negara peningkatan Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio 'CAR'). Inilah cabaran yang perlu dihadapi oleh Koperasi.

- Contoh, NTUC, Koperasi terbesar di Singapura terpaksa menjual syernya hanya kerana tidak berupaya menambah modal dalam pelaburannya. En. S.Ahlaimuniandy memaklumkan beliau adalah salah seorang pengasas semasa Koperasi memindahkan perniagaan penanggungan insuran kepada syarikat subsidirinya MCIS Insurance Berhad (sekitar tahun 1998).

- Oleh itu, beliau memohon Lembaga mengambil langkah-langkah berhati-hati dalam usaha menangani cabaran yang bakal dihadapi. Koperasi tidak mungkin dapat terus menambah modal saham dalam MCIS Insurance Berhad pada masa hadapan. Justeru itu, cadangan Pengerusi untuk melantik jawatankuasa adalah disokong bagi mengkaji dan mengawal selia sesuatu keputusan yang melibatkan pelaburan supaya koperasi dapat terus mengekalkan prestasinya dengan lebih baik dalam usaha bergerak maju kehadapan. Beliau menyokong penjualan saham sekiranya tawaran jualan dikeluarkan.

- Cadangan melantik Jawatankuasa Pemandu sangatlah dialu-alukan bagi mengkaji keseluruhan jualan atau tawaran daripada Berjaya Group dan beliau menyokong sepenuhnya jualan tawaran saham supaya koperasi dapat meluaskan pelaburan kepada perniagaan yang memberi pulangan yang lebih baik. Beliau percaya pada tahun hadapan sekiranya Bank Negara meningkatkan "Capital Adecuacy Ratio" dan koperasi tidak akan berupaya memenuhi keperluan tambahan modal tersebut.

- En. S.Ahlaimuniandy memaklumkan pendaftaran baru anggota dan tambahan syer tidak boleh dibenarkan pada ketika ini. Beliau turut melahirkan rasa dukacita hingga kini tiada seorang wakil menganggotai Lembaga Pengarah dalam MCIS Insurance Berhad.

10.3. Pengerusi juga memaklumkan seperti yang telah diterangkan dalam ucapannya, pelantikan Jawatankuasa Pemandu akan dilaksanakan dengan memilih daripada kalangan anggota-anggota yang berkelayakan dalam bidang masing-masing atau pakar dalam bidang ekonomi, perniagaan, khidmat nasihat dan lain-lain bagi membantu Lembaga dan Koperasi MCIS Berhad amnya supaya koperasi kekal dalam 10 koperasi terbaik Malaysia. Pengerusi percaya sumbangan Jawatankuasa Pemandu dalam menangani isu-isu berkaitan penjualan saham dalam MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad adalah amatlah besar dan memainkan peranan penting.

- Pengerusi memaklumkan bahawa pendaftaran anggota baru dan penambahan saham telah lama dihentikan, kecuali penjualan atau pindah milik saham antara anggota dan koperasi anggota sedia ada sahaja dibenarkan.

- Selain itu, Pengerusi memaklumkan bahawa Koperasi telah menghantar tiga (3) nama calon wakil untuk dilantik sebagai Lembaga Pengarah dalam MCIS Insurance Berhad, calon-calon perlu melalui proses dan memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara.

- Berdasarkan kepada penerangan diatas, Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada En. S.Ahlaimuniandy atas pandangan beliau dan memaklumkan sekiranya tawaran dikeluarkan atau apa-apa keputusan berkaitan penjualan saham, koperasi akan memanggil mesyuarat agung khas bagi membincang dan meluluskan harga tawaran yang ditawarkan.

10.4. En. Sundararaj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad menyokong semua pandangan yang diterangkan oleh En. S.Ahlaimuniandy, proksi Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad.

10.5. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan tawaran penjualan saham sebanyak 10 juta unit dalam syarikat MCIS Insurance Berhad kepada pembeli berpotensi (Berjaya Group)

Resolusi Penjualan Saham Syarikat Perniagaan Insuran Hayat Dalam MCIS Insurance Berhad

BAHAWASANYA KOPERASI MCIS BERHAD DENGAN INI :-

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan saham dalam perniagaan Insuran Hayat di MCIS Insurance Berhad sebanyak 10 juta unit mengikut harga pasaran sekiranya bakal pembeli menawarkan jualannya kepada Koperasi
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan kepada bakal pembeli bagi melunaskan tanggungan dan melaksanakan pelaburan atau mempelbagaikan perniagaan
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan semua perkara berkaitan dokumentasi perjanjian dalam perniagaan insuran hayat dihantar untuk kelulusan Bank Negara.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara-perkara dalam apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas dan untuk menandatangani semua dokumentasi yang berkaitan untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat untuk menterai Koperasi di letakkan mengikut tataurusan Koperasi, atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut di atas.

MAKA DENGAN INI BERSETUJU Koperasi MCIS Berhad atas semua perkara-perkara yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-61 Koperasi ini pada 17^{hb} Ogos 2024, hari Sabtu, tempat Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya, No. 12, Lorong Utara A Off Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara Koperasi MCIS Berhad melaksanakan penjualan saham sebanyak 10 juta unit dalam MCIS Insurance Berhad dengan kelulusan Bank Negara.
Cadangan : Tn Hj Mohamed Shafie Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad
Sokongan : En. Sukumaran Karuppiah Pillai, perwakilan individu

AGENDA 11

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN CADANGAN, USUL ATAU ADUAN YANG DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA YANG BAGINYA SATU NOTIS TIDAK KURANG TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-61.

CADANGAN USUL LEMBAGA Fasa 2 – Pemberian Khairat Kematian (Pengurusan Jenazah), Perlindungan Insuran dan Faedah Perlindungan Penyakit Kritikal.

11.1. Fasa 2 telah dibentang dalam Mesyuarat Agung Kawasan dan mesyuarat bersetuju dengan kadar bayaran yang ditetapkan RM20.00 setiap orang melalui potongan dividen setiap tahun. Bayaran RM10.00 akan dibayar kepada Pacific Insurance Berhad dan sebahagian RM10.00 dikumpul sebagai dana dalam Tabung Amanah Dato' NA Kularajah (Tabung Kebajikan & Tabung Kanak-Kanak Istimewa)

Faedah Khairat Kematian Dan Perlindungan Insuran Kepada Anggota Individu

A) Perlindungan Insuran (Kemalangan) dengan kadar premium RM10.00 kepada Anggota Individu. Perlindungan Polisi Kelumpuk melalui Pacific Insurance Berhad

- Faedah kematian kemalangan (khairat kematian) – RM10,000.00
- Faedah kecacatan kekal (kemalangan) – RM10,000.00
- Faedah Harian Hospital (Elaun Tunai) kemalangan – RM25/sehari untuk tempoh 30 hari sahaja
- Faedah khairat kematian (kemalangan) – RM1,500
- Kelayakan umur antara 18 tahun hingga 80 tahun

B) Faedah kematian biasa (natural death) dan faedah tuntutan (One Off) penyakit kritikal dengan kadar bayaran RM10.00 dana dikumpul dan disalurkan kepada Tabung Amanah Dato' NA Kularajah (Tabung Kebajikan & Tabung Kanak-Kanak Istimewa)

i. Faedah kematian biasa – (khairat kematian) - RM1,500.00
ii. Bayaran tuntutan daripada faedah penyakit kritikal adalah sebanyak RM1,000.00, sekali bayaran (one off) tertakluk kepada tuntutan bil asal (original bill).
iii. Tuntutan perlindungan untuk penyakit kritikal seperti berikut:-
   - Penyakit angin ahmar/strok
   - Penyakit kanser – semua kategori
   - Penyakit jantung, paru-paru, pembedahan injap, pintasan ateri koronari
   - Penyakit kegagalan buah pinggan (dialysis)

11.2. Pengerusi memaklumkan program tersebut di atas adalah terpakai untuk anggota individu Koperasi MCIS Berhad. Sekiranya koperasi anggota berminat menyertai program ini, maka koperasi anggota perlu mengutip bayaran daripada anggota-anggotanya sebanyak RM20.00 dan bayaran RM10.00 akan disalurkan kepada Pacific Insurance Berhad dan baki sebahagian RM10.00 dikumpul oleh koperasi anggota.

11.3. En. Sukumaran Karuppiah Pillai, perwakilan individu menyokong program Fasa 2 kepada anggota individu melalui potongan dividen sebanyak RM20.00 setiap orang. Walau bagaimanapun beliau memohon notis/makluman diberikan kepada anggota-anggota yang layak kerana program ini akan diterima oleh waris sekiranya anggota meninggal dunia. Beliau juga meminta koperasi perlu memastikan waris anggota yang sah dan menghantar dokumen-dokumen yang sah.

11.4. Pengerusi memaklumkan urusan terma dan syarat, dokumentasi dan proses penyelenggeraan polisi telahpun disediakan oleh pihak pengurusan. Semua anggota setiap tahun telah dibekalkan borang maklumat anggota, borang penamaan dan lain-lain dokumen untuk koperasi mengemas kini data anggota.

RESOLUSI PERLINDUNGAN INSURAN & TABUNG AMANAH DATO' NA KULARAJAH

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat potongan bayaran premium sebanyak RM20.00 seorang daripada bayaran dividen yang diistihar tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad mematuhi aturan Tabung Amanah Dato' NA Kularajah
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan semua perkara berkaitan dokumentasi perjanjian dan faedah perlindungan atau polisi yang ditawarkan oleh syarikat insuran.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara-perkara dalam apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas dan untuk menandatangani semua dokumentasi yang berkaitan untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat untuk menterai Koperasi di letakkan mengikut tataurusan Koperasi, atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut di atas.

DENGAN INI KOPERASI MCIS BERHAD BERSETUJU DAN MEMUTUSKAN DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-61 KOPERASI INI PADA 17^{HB} OGOS 2024, HARI SABTU, TEMPAT CROWN HALL, LEVEL 1, HOTEL CRYSTAL CROWN PETALING JAYA, NO. 12, LORONG UTARA A, OFF JALAN UTARA 46200 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN DENGAN KELULUSAN INI DEMI UNTUK KEPENTINGAN KOPERASI DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA

Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara cadangan program Fasa 2, perlindungan insuran dan tabung amanah Dato' NA Kularajah seperti yang dinyatakan di atas.
Cadangan : En. Sukumaran Karuppiah Pillai, Perwakilan Individu
Sokongan : En. Kanakaraj Subramaniam, Perwakilan Individu

PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.00 tengahari. Bagi pihak Lembaga, Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia En. Hamni Mat Dros Pegawai SKM yang turut memberi pencerahan, sokongan dan dokongan dalam membantu Koperasi MCIS Berhad, terima kasih juga kepada anggota yang tidak terpilih sebagai Anggota Lembaga, adat bertanding ada kalah dan ada menang semoga terus kekal menyokong koperasi. Selain itu ucapan tahniah kepada En. Balasupramaniam Ramanaidu yang dapat mengekalkan jawatan Anggota Lembaga dalam pemilihan kategori individu serta Datuk Goh Ah Ling dan En. Balasundaram Kumarasamy diatas kejayaan dipilih sebagai Anggota Lembaga dalam kategori koperasi anggota. Ketiga-tiganya akan kekal untuk tempoh tiga (3) tahun akan datang. Terima kasih kepada semua perwakilan individu dan proksi koperasi anggota yang hadir dan semua kakitangan yang terlibat bagi menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-61 Koperasi MCIS Berhad.

Disediakan oleh:

Rosmah Asnawi
Pencatat Minit

Disemak oleh ;

En Balasupramaniam Ramanaidu
Setiausaha

KOPERASI MCIS BERHAD

(2144)

MINIT INI TELAH DISEMAK DAN DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA PENENTUSAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD

Tarikh/Hari	:	**06hb September 2024/Jumaat**
Jam	:	**10.300 Pagi**
Tempat	:	**Bilik Dato' N.A Kularajah, Tingkat Mezzanine, Tower 1 Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya**

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1.	YB DR GUNARAJAH R GEORGE	PENGERUSI	
2.	EN. THANKARAJOO SUBRAMANIAM	TIMBALAN PENGERUSI	
3	EN. BALASUPRAMANIAM RAMANAIDU	SETIAUSAHA	
4	EN. VENKATASAL RAO NOOKAIAH	BENDAHARI	
5	EN. KAMALANATHAN R.RAMANATHAN	PERWAKILAN INDIVIDU	
6	TN. HJ ADNAN BIN AWANG	PROKSI KOPERASI	
7	EN. SANNI BABU A/L THEMUDOO	PERWAKILAN INDIVIDU	
8	EN. VADIVELU A/L PERUMAL	PROKSI KOPERASI	
9	EN. ABD RAHMAN BIN BAKAR	PROKSI KOPERASI	
10	EN. SUKUMARAN A/L KARUPPIAH PILLAI	PERWAKILAN INDIVIDU	

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

Lampiran 1

UCAPAN PENGERUSI DI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61
KOPERASI MCIS BERHAD

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Koperasi dan Salam Malaysia MADANI

Yang Berbahagia, Dato'-Dato', Tuan-tuan & Puan-puan serta para perwakilan Koperasi Anggota dan Anggota Individu sekelian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua kerana hadir menjayakan mesyuarat agung pada hari ini. Sebelum meneruskan ucapan izinkan saya memperkenalkan barisan Lembaga Koperasi MCIS Berhad, En. Balasupramaniam Ramanaidu (Timbalan Pengerusi), Dr Letchumanan Amaippen (Setiausaha), En. Venkatasal Rao Nookaiah (Bendahari), En. Thankarajoo Subramaniam (EXCO), anggota Lembaga Koperasi terdiri Dato' Shashi Kumar Palaniyappan, En. Papiyah Rajamian dan En. Sri Ram Mookiah. Terlanjur itu, saya bagi pihak semua Lembaga ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Sri Ram Mookiah dan En Mas'ud Husain atas khidmat baktinya. Perkhidmatan kedua-duanya tamat tempoh dan bersara tidak bertanding semula. Terima kasih

Dato'-Dato', Tuan-tuan & Puan-puan ingin juga saya perkenalkan Pengurusan Koperasi iaitu En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar, Pn Thilaga Pariasamy, Pengurus Operasi/Akaun, Pn Rosmah Asnawi, Pengurus Sekretariat dan mengalu-alukan juga semua kakitangan Koperasi yang turut bertungkus lumus bagi membuat persediaan dan menjayakan mesyuarat agung pada hari ini dan majlis pada malam tadi. Terima kasih diucapkan.

Saya mewakili Lembaga Koperasi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua perwakilan kerana turut sama meraikan majlis makan malam 'Jasamu Dikenang' pada malam tadi, ya mengenang dan mengingati jasa-jasa mereka, insan-insan hebat ini lah yang telah berganding bahu membawa koperasi sehingga ketahap hari ini. Memang dalam tempoh 70 tahun yang lalu keputusan mengwujudkan koperasi adalah keputusan yang tepat tanpa keputusan tersebut kita tidak akan berada di dewan yang mulia pada hari ini.

Oleh itu, marilah kita sama-sama memberi tepukan dan penghormatan kepada semua mantan-mantan Pengerusi, mantan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan, kakitangan dan ketua-ketua agensi serta agen-agen yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan agenda koperasi. Syabas dan Tahniah.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Seterusnya untuk tahun 2023 adalah tahun yang mencabar, cabaran-cabaran tetap ada dan akan dirungkaikan dalam ucapan saya. Berdasarkan kepada keuntungan bersih Koperasi selepas pembahagian berkanun dicatatkan pada tahun kewangan 2023, prestasi Koperasi adalah tidak memuaskan. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada keuntungan terkumpul

Koperasi masih boleh membayar dividen sebanyak 5% baki modal saham biasa dan saham bonus, tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung hari ini dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Lembaga sangat berterima kasih di atas sokongan padu yang berterusan daripada Koperasi anggota dan perwakilan individu serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah banyak membantu koperasi dalam menangani masalah atau cabaran yang di hadapi oleh Koperasi.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Selain itu, ingin saya kongsikan bersama perkembangan terkini dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi;

Cabaran pertama adalah pelaburan dalam perniagaan insuran hayat MCIS Insurance (MCIS Life) sejak dahulu lagi memberi pulangan yang sangat baik. Semua sedia maklum bahawa Koperasi ini adalah satu-satunya Koperasi yang menjalankan perniagaan insuran hayat dan insuran am. Dalam hal ini Bank Negara turut banyak membantu Koperasi, beberapa perbincangan dan perjumpaan telah diadakan bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh Koperasi terutamanya mendapatkan pulangan dividen.

Bagi tahun 2023 buat pertama kalinya Koperasi tidak menerima bayaran dividen daripada pelaburannya di MCIS Life dan Pacific Insurance Berhad hanya membayar dividen pada tahun 2021. Inilah situasi yang dihadapi oleh Koperasi pada hari ini. Walau pun begitu Koperasi tidak hanya berdiam diri sebaliknya perjumpaan demi perjumpaan telah diadakan dengan Bank Negara, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan tidak ketinggalan mengadakan perjumpaan dengan Menteri di Kementerian Usahawan dan Koperasi iaitu Dato' Ewon Benedick bagi mendapatkan nasihat dan pertolongan dalam menangani masalah yang dihadapi iaitu proses penjualan Pacific Insurance Berhad dan mendapatkan pulangan (dividen). Walaupun mandat telah diberi dalam mesyuarat agung lalu tetapi sehingga sekarang penjualan saham dalam Pacific masih belum diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Selain itu, saya ingin jelaskan bahawa Berjaya Group telah menyatakan minat untuk membeli pegangan saham SANLAM iaitu pelabur terbesar dalam MCIS Life tetapi proses ini mengambil masa yang lama dan sehingga kini masih belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan Bank Negara. Oleh kerana urusan penggabungan masih belum lagi tidak dapat dilaksanakan maka Bank Negara juga tidak memberi kelulusan bayaran dividen kepada Koperasi MCIS Berhad yang mempunyai pegangan saham sebanyak 44% dan pemegang saham minoriti (individu) sebanyak 4%. Situasi ini menyebabkan Koperasi tidak menerima dividennya dan keuntungan koperasi tidak memuaskan.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Baru-baru ini satu perjumpaan bersama Ketua Pegawai Eksekutif MCIS Life dan Pengarah 'Regional' Pacific Insurance Berhad telah diadakan bagi mendapatkan gambaran sebenar atau status terkini pelaburan koperasi. Pihak Koperasi dimaklumkan dalam bulan September atau Oktober satu keputusan berhubung penjualan/tawaran saham akan diputuskan sama ada Bank Negara meluluskan tawaran jual beli antara SANLAM dan Berjaya Group.

Oleh itu sekiranya jualan saham kepada Berjaya Group diluluskan, selain tawaran kepada SANLAM, tawaran tersebut juga akan diberikan kepada Koperasi dan pemegang individu yang lain. Koperasi dalam mesyuarat agung yang lalu telah mendapat mandat untuk menjual/mencairkan saham dalam MCIS Insurance Berhad sebanyak 10% daripada pegangan saham sebanyak 44%. Untuk makluman tahun ini kita memohon semula mandat untuk menjual 10 juta unit saham, kalaulah jangkaan tawaran sebanyak RM10.00 dan koperasi menjualnya, maka perolehan yang dijangka adalah RM100,000,000.00. Sekiranya ini berlaku Koperasi dapat melepaskan tanggungan seperti penyelesaian pinjaman Maybank, Skim Simpanan Khas dan membayar dividen kepada anggota-anggotanya, jika jual/beli tidak berlaku Koperasi akan meneruskan kerjasamanya bersama dengan SANLAM.

Selain itu, jika perlu saya dan Lembaga Koperasi akan memanggil mesyuarat agung khas bagi membincangkan hal jual/beli saham dalam MCIS Insurance Berhad dan melaksanakan pelaburan untuk Koperasi terus bergerak kehadapan.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Berdasarkan urusan jual/beli yang masih belum diluluskan dan permohonan MCIS Life untuk membayar dividen tidak diluluskan oleh Bank Negara maka Koperasi menghadapi kekangan kewangan pada tahun semasa. ini menyebabkan Koperasi tidak dapat mengistiharkan dividen melebihi 5%. Koperasi memohon untuk membayar dividen sebanyak 6% memandangkan keuntungan tidak memuaskan dan koperasi membayar dividen melalui kumpulan wang terkumpul maka Suruhanjaya Koperasi Malaysia hanya membenarkan bayaran dividen sebanyak 5%, tertakluk Akta Koperasi 1993. Inilah cabaran yang dihadapi oleh Koperasi, saya dan barisan Lembaga akan terus berusaha dan berjumpa dengan mana-mana pihak yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan segera atau mempercepatkan kelulusan jual/beli atau sebaliknya.

Oleh itu, Lembaga berpendapat sekiranya peluang penjualan ditawarkan kepada Koperasi, maka Lembaga merasakan peluang tersebut perlu diambil bagi memperkukuhkan kewangan Koperasi untuk merancang masa hadapan dan mempelbagaikan perniagaan atau tingkatkan simpanan semasa sehingga perniagaan baru dikenalpasti. Lembaga akan sentiasa mengutamakan kepentingan Koperasi.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Cabaran kedua adalah pelaburan dalam Pacific Insurance Berhad sebanyak RM51 juta, walau pun kita sudah mendapat mandat untuk menjual ekuiti 15% dalam Pacific Insurance Berhad kepada Fairfax Asia Limited tetapi sehingga kini Bank Negara masih belum memberi kelulusan. Sekiranya jualan sebanyak RM 46 juta diluluskan oleh Bank Negara, koperasi boleh menyelesaikan tanggungannya seperti tanggungan pembelian Wisma MCIS dan Skim Simpanan Khas dan seperti yang telah dinyatakan tadi pihak koperasi telah cuba mendapatkan bantuan daripada Kementerian Kewangan dan juga Menteri sehingga kini kita masih menunggu.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Cabaran ketiga, pembelian Wisma MCIS Petaling Jaya dengan pelaburan sebanyak RM110 juta dan dalam tempoh 7 tahun ini koperasi sedang meningkat naik dengan pelaburan membeli Anexxe dan Wisma MCIS. Koperasi mendapat bantuan daripada program Skim Simpanan Khas (SSK), rujuk slide, dana yang dikumpulkan oleh anggota daripada 98 juta koperasi berjaya melunaskan tanggungan sehingga 17 juta. Inilah cabaran yang telah kita atasi melunaskan dan mengembalikan SSK kepada Anggota dan koperasi menjadi pemilik mutlak Wisma MCIS yang dibeli pada harga RM110,000,000.00 dan nilaian harga pada masa sekarang dijangka meningkat kepada RM140,000,000.00 Wisma MCIS ini tidak boleh dilepaskan kepada sesiapa kerana Wisma MCIS ini dibangunkan dengan nostalgia dan getaran perasaan anggota-anggota dan agensi-agensi insuran yang membangunkan koperasi teguh dan kukuh hingga kini. Selain itu pinjaman Maybank juga dapat diselesaikan sebanyak RM20,000,000.00. Pinjaman Maybank dapat diatasi dengan pendapatan yang diperolehi daripada sewa bagi membayar balik ansuran pinjaman tersebut

Dalam hal ini, SKM turut juga memainkan peranannya membantu koperasi dalam menyelesaikan beberapa isu. Koperasi sangat menghargainya. Terima kasih.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Cabaran keempat, adalah pelaburan hartanah seluas lebih kurang 5 ekar di Sg. Choh, Serendah yang dibeli pada tahun 2016, adalah juga cabaran Koperasi. Beberapa perkara telah dibincang dalam mesyuarat Lembaga seperti mendapatkan penyewa atau pembeli yang berminat untuk membangunkan tanah tersebut, tetapi sehingga kini masih belum berjaya. Lembaga memutuskan tanah tersebut tidak dijual sehingga mendapatkan rakan kongsi untuk memajukan atau berminat membangunkan tanah tersebut. Lembaga akan fikirkan penyelesaian yang terbaik demi menjaga kepentingan Koperasi.

Dalam plan strategik yang dirangka, Koperasi bercadang mencagarkan tanah tersebut kepada SKM bagi membuat pinjaman Tabung Modal Pusingan sebagai modal mempelbagaikan perniagaan. Lembaga akan sentiasa merangka plan strategik bagi

mengatasi cabaran seperti mengurangkan tanggungan/libiliti, menghadapi kekangan kewangan yang ketat dan mengawal perbelanjaan kepada tahap minima.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Selain cabaran diatas, kita tidak boleh terus bergantung kepada pelaburan/perniagaan insuran dalam MCIS Insurance Berhad kerana ada banyak cabaran, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara perlu dipatuhi. Sekarang ini pula perniagaan insuran tidak menentu seperti 'under writing loss', tuntutan daripada pemegang polisi semakin meningkat, tahun lalu kami dimaklumkan MCIS Insurance tidak menunjukkan prestasi yang baik. Ini juga adalah fakta-fakta yang diambilkira untuk kelulusan dividen. Untuk makluman dividen yang telah diterima oleh koperasi selama tempoh 10 tahun kebelakangan amatlah memberansangkan dalam tahun 2020 koperasi menerima dividen paling tinggi iaitu 20.72% dan laporan dividen diterima adalah seperti dilampiran A.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Baru-baru satu perjumpaan dengan CEO MCIS Life telah diadakan dan Koperasi diberi penerangan berkaitan keadaan Nisbah CAR, kini nisbah CAR MCIS adalah rendah, menunjukkan bahawa syarikat tidak mempunyai cukup modal untuk menampung risiko yang ada. BNM dalam rangka menetapkan kadar CAR kepada RM350 juta, sekiranya ini berlaku Koperasi tidak akan mampu mengeluarkan modal untuk menampung kadar yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Dalam keadaan ini BNM menasihati MCIS untuk mengurangkan pengistiharan dividen. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa syarikat mengekalkan tahap modal yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kewangan dan mematuhi garis panduan regulasi yang ditetapkan.

Kesimpulannya, pengistiharan dividen yang lebih tinggi oleh MCIS dalam konteks nisbah CAR yang rendah, menunjukkan ketidaklarasan antara strategik pengagihan dividen dan keperluan untuk mengekalkan kestabilan modal. BNM menasihati agar MCIS menangguhkan atau mengurangkan dividen untuk menguatkan kedudukan kewangannya. Oleh itu, walau apapun yang berlaku Lembaga Koperasi akan memanggil mesyuarat agung khas bagi membincang dan meluluskan tawaran jualan jika diluluskan oleh Bank Negara.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Untuk makluman, skim insuran fasa 1 yang diberi kepada Proksi Koperasi dan anggota individu yang dilantik sebagai perwakilan telah diberikan secara percuma sejak tahun lalu dan berterusan sehingga penggantian atau pertukaran proksi atau individu yang hadir pada mesyuarat agung hari ini.

Lembaga juga telah merangka perlindungan insuran Fasa 2, semasa mengadakan mesyuarat agung kawasan penerangan Fasa 2 telah dimaklumkan kepada anggota individu, anggota-anggota secara amnya bersetuju untuk membuat potongan melalui dividen sebanyak RM20.00 setahun. Anggota yang membayar RM20.00 akan mendapat manfaatnya dengan perlindungan seperti berikut :-

KHAIRAT KEMATIAN DAN PERLINDUNGAN INSURAN KEPADA ANGGOTA INDIVIDU

A) Perlindungan Insuran (Kemalangan) dengan kadar premium RM10.00 kepada Anggota Individu. Perlindungan Polisi Kelumpuk melalui Pacific Insurance Berhad
   - Faedah kematian (kemalangan) – RM10,000.00
   - Faedah kecacatan kekal (kemalangan) – RM10,000.00
   - Faedah Harian Hospital (Elaun Tunai) kemalangan – RM25/sehari untuk tempoh 30 hari sahaja
   - Faedah khairat kematian (kemalangan) – RM1,500
   - Kelayakan umur antara 18 tahun hingga 80 tahun

B) Khairat kematian biasa (natural death) – pengurusan jenazah RM1,500.00

C) Cadangan faedah tuntutan perlindungan sebanyak RM1,000.00 untuk penyakit kritikal seperti berikut :-
   - Penyakit angin ahmar/strok
   - Penyakit kanser – semua kategori
   - Penyakit jantung, paru-paru, pembedahan injap, pintasan ateri koronari
   - Penyakit kegagalan buah pinggan (dialysis)

Bayaran tuntutan daripada perlindungan penyakit kritikal dicadangkan sebanyak RM1,000.00 untuk sekali bayaran sahaja kepada Anggota Individu tertakluk kepada bil asal (original bill) semasa membuat tuntutan. Sekiranya bayaran telah dibayar pada anggota yang menghadapi sakit kritikal dan anggota meninggal dunia akibat penyakit tersebut baki sebanyak RM500.00 akan dibayar kepada waris.

Kadar bayaran yang ditetapkan RM20.00 setiap orang melalui potongan dividen setiap tahun. Bayaran RM10.00 akan dibayar kepada Pacific Insurance Berhad dan sebahagian RM10.00 dikumpul sebagai dana dalam Tabung Amanah Dato' NA Kularajah yang akan melindungi bayaran pengurusan Jenazah sebanyak RM1,500.00.

Itulah sebahagian cadangan dan tindakan yang diambil atas permintaan anggota-anggota semasa mesyuarat agung kawasan diadakan. Lembaga sedaya upaya merealisaikan faedah insuran tersebut. Saya juga ingin memaklumkan sekiranya Koperasi Anggota berminat untuk menyertai program ini adalah sangat dialu-alukan, Koperasi Anggota perlu mengutip bayaran yang ditetapkan atau kita akan meminta pihak berkaitan berurusan terus dengan Koperasi Anggota.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Untuk makluman kita sekarang berada di satu tahap untuk mengatasi cabaran, pemasalahan, menjana kewangan, perancangan pelaburan dan mempelbagaikan

perniagaan untuk masa hadapan maka banyak keputusan yang akan diambil. Oleh itu, saya rasakan satu jawatankuasa perlu dilantik bagi membantu barisan Lembaga sediada, membantu koperasi membuat keputusan, membantu koperasi berdailog dengan syarikat-syarikat insuran, membantu mengenalpasti masalah yang dihadapi serta membantu koperasi merancang perniagaan dan lain-lain. Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada wakil Lembaga dan perwakilan yang berkelayakan, yang memahami perjalanan koperasi sejak bertahun lalu serta berkebolehan dalam memberi nasihat, mengatur, merangka plan strategik, membina atau membangunkan perniagaan serta membincangkan tawaran jual/beli supaya perancangan pelaburan berjaya membawa hala tuju koperasi selaras dengan garis panduan dan pematuhan Akta Koperasi.

Kajian menyeluruh akan dilaksanakan contohnya berkaitan penjualan atau tawaran saham dengan menjual 10 juta unit yang akan dibincangkan dalam agenda 10, walaupun kita telah mendapat mandat untuk menjual saham dalam MCIS Insurance Berhad pada mesyuarat agung yang lalu tetapi kita bawa semula bagi memohon jualan untuk 10 juta unit iaitu 10% daripada 44%, jika tawaran jualan ditawarkan kepada koperasi. Memang ada koperasi yang tidak setuju dengan cadangan untuk jual saham tersebut iaitu Koperasi Doktor Malaysia Berhad dan Koperasi Cakra Mas Seremban Berhad kerana mereka berpendapat pelaburan ini adalah "cash cow" yang akan memberi dividen setiap tahun, tetapi perlu diingat bagi tahun 2023 koperasi tidak memperolehi dividen walau sesen pun dan kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Perniagaan insuran semakin mencabar dan persaingan semakin hebat dengan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Oleh itu, Koperasi perlu merancang trasformasi untuk 5 tahun, 10 tahun akan datang daripada hanya mengharap pelaburan daripada MCIS Life dan Pacific Insuran. Jawatankuasa Pemandu inilah yang akan membantu koperasi dalam membuat keputusan, saya rasa ramai yang berkelayakan dalam dewan ini yang boleh membantu koperasi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Thirumanickam, Proksi Koperasi Perumahan Kuala Lumpur Berhad yang telah membantu koperasi mengkaji semula nilaian atas Pacific Insurance, beliau telah beri beberapa cadangan bernas dan meminta koperasi tangguh dahulu penjualan tetapi koperasi menghadapi masalah apabila tiada dividen dibayar untuk tempoh selama 7 tahun kecuali pada tahun 2021 dividen dibayar itupun atas bantuan Koperasi dengan mengadakan perjumpaan bersama wakil Bank Negara, saya masih ingat kata-kata Pengarah Jabatan Penyeliaan Insurans dan Takaful, "bagaimana Koperasi boleh melabur dalam perniagaan insuran sedangkan perniagaan ini risiko untung rugi adalah tinggi". Susulan daripada perjumpaan itu, Koperasi telah menulis surat memohon kepada Bank Negara menurunkan kadar nisbah modal.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada En. S Ahlaimuniandy yang hadir pada hari ini, beliau juga telah banyak membantu koperasi dan merupakan salah seorang pengasas yang terlibat secara lansung dalam urusan pemindahan perniagaan insuran kepada subsidiary koperasi ketika itu The Malaysian Cooperative Insuran Malaysia Berhad. Seorang lagi tokoh Datuk Sahadevan, yang sentiasa memberi tunjuk ajar, pandangan dan sokongan kepada saya dalam apa jua permasalahan yang dihadapi. Oleh itu, cadangan saya untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ini adalah sangat mustahak demi membantu koperasi dan tidak melepaskan tanggungjawab ini kepada barisan Lembaga menguruskannya. Saya sangat mengalu-alukan idea bernas, kerjasama serta sokongan padu daripada semua perwakilan demi mencapai agenda Koperasi, Koperasi ini adalah milik kita bersama bukannya Anggota Lembaga.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,
Demikianlah beberapa cabaran yang perlu diatasi oleh saya dan barisan Lembaga dalam usaha mempertingkatkan prestasi koperasi kepada tahap yang lebih baik dan kukuh untuk jangka masa panjang.

Selain itu, sebagai pemimpin dan pelaksana tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh koperasi-koperasi anggota dan anggota individu Koperasi MCIS Berhad saya akan pastikan kepentingan Koperasi dijaga. Amanah ini sangat besar untuk sama-sama dihadapi demi membangunkan, meningkatkan prestasi serta mengekalkan hubungan baik antara Koperasi. Semoga Koperasi MCIS Berhad terus cemerlang setanding dengan perkembangan gerakan koperasi dan membangun bersama Malaysia MADANI. Inilah harapan saya dan barisan Lembaga Koperasi MCIS Berhad.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada wakil SKM, En. Hamni Mat Dros Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan yang telah ada bersama kita dari awal pagi, tidak lupa juga kepada En. Amran Abdul Kadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SKM yang banyak membantu koperasi dengan memberi buah fikiran, memandu arah, memberi idea-idea demi sama-sama membangunkan Koperasi. Baru-baru ini Koperasi MCIS Berhad telah menerima Anugerah dikedudukan ke 8 terbaik daripada 50 koperasi Wilayah Persekutuan dan dijangka antara 20 Koperasi terbaik dalam senarai 100 koperasi terbaik di seluruh Malaysia.

Dikesempatan ini juga, saya mengucapkan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga yang sentiasa ada memberi sokongan. Saya tidak bertindak secara sendirian sebaliknya semua keputusan adalah keputusan pasukan yang didukung secara bersama. Saya percaya semangat berpasukan yang baik akan menghasilkan keuntungan yang terbaik, sebagai Anggota Lembaga tujuan utama adalah memberi khidmat kepada semua anggota Koperasi.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan dan proksi Koperasi yang hadir dari seluruh negeri di Malaysia hari ini dan malam tadi. Inilah tahun kedua Koperasi menyediakan penginapan dan mengadakan jamuan makan malam, tahun lepas meraikan 70 tahun penubuhan koperasi MCIS Berhad dan tahun ini meraikan mereka yang berjasa iaitu malam 'Jasamu Dikenang'. Mungkin tuan puan terfikir, bagaimana keuntungan tidak memuaskan tetapi koperasi berbelanja, untuk makluman Koperasi telah mendapat tajaan daripada syarikat MCIS Insuran sebanyak RM15,000.00 dan Pacific Insuran sebanyak RM10,000.00 itulah caranya. Koperasi akan terus cuba menyediakan penginapan pada tahun mendatang demi memberi kemudahan kepada perwakilan disamping itu Koperasi akan sentiasa mengawal perbelanjaan ketahap minima.

Terima kasih juga kepada Pengurusan dan kakitangan koperasi yang bertungkus lumus melaksanakan tanggungjawab dan amanah diberi, mesyuarat agung dapat dijayakan.

Akhirnya saya sudahi ucapan dengan rangkap pantun.
Merah menyala buah ceri
Sungguh cantik berseri-seri
Terima kasih ucapan diberi
Kerana sudi hadir mesyuarat ini hari

Sekian, terima kasih.

YB DR GUNARAJAH R.GEORGE
Pengerusi

KOPERASI MCIS BHD
DIVIDEND PAYOUT BY MCIS INSURANCE BHD
FOR PAST 10 YEARS

COST PRICE	YEAR	SHARE @ UNIT PRICE	DIVIDEND	BASED ON UNIT - %	BASED ON COST - %
66,142,541.71	2014	44,513,802.00	66,579,293.65	149.57%	101%
	2015	44,513,802.00	40,062,421.80	90%	61%
	2016	44,513,802.00	7,767,658.45	17.45%	12%
	2017	44,513,802.00	3,107,063.38	6.98%	5%
	2018	44,513,802.00	7,500,575.64	16.85%	11%
	2019	44,513,802.00	9,494,793.97	21%	14%
	2020	44,513,802.00	9,227,711.15	20.72%	14%
	2021	44,513,802.00	8,876,052.12	19.94%	13%
	2022	44,513,802.00	3,992,888.04	8.97%	6%
	2023	44,513,802.00	0.00	0.00%	0.00%

Lampiran A1

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 17 OGOS 2024

BIL	NAMA KOPERASI	NAMA PROKSI
1	KOPERASI NLFCS BERHAD	DATUK SAHADIVAN A/L BALIAH
2	KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD	DATO' KHAIRUL WALID BIN MOHAMED
3	KOPERASI NESA PELBAGAI BERHAD	DATO SHASHI KUMAR A/L PALANIYAPPAN
4	KOPERASI KREDIT PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD	ENCIK THANKARAJOO A/L SUBRAMANIAM
5	KOPERASI VISAKHA KULIM KEDAH BERHAD	ENCIK VENKATASAL RAO A/L NOOKAIAH
6	KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD	DATUK GOH AH LING
7.	KOPERASI DOKTOR MALAYSIA BERHAD	DR JEYABALAN A/L A NADARAJAH
8.	KOPERASI WARISAN PULAU CAREY BERHAD	ENCIK GAGENDRAN A/L RAKAIYAH
9.	KOPERASI PERDANAJAYA MALAYSIA BERHAD	ENCIK S AHLAIMUNIANDY
10.	KOPERASI YATRA HINDU MALAYSIA BERHAD	ENCIK BALASUNDARAM A/L KUMARASAMY
11.	KOPERASI KERETAPI BERHAD	ENCIK VADIVELU A/L PERUMAL
12.	KOPERASI CAKRA MAS SEREMBAN BERHAD	ENCIK FRANCIS VERGHESE
13.	KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD	ENCIK ABDUL RAHIM BIN LLIN
14.	KOPERASI GURU-GURU DTC MALAYSIA BERHAD	ENCIK ADNAN BIN AWANG
15.	KOPERASI BAHAU NEGERI SEMBILAN BERHAD	ENCIK PAPIYAH A/L RAJAMIAN
16.	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA SYARIKAT INSURANS BERHAD	ENCIK MUNIANDY A/L GOLANDRAN
17.	KOPERASI PERUMAHAN KUALA LUMPUR BERHAD	ENCIK THIRUMANICKAM A/L MANICKAM PILLAI
18.	KOPERASI ANGKATAN TENTERA (M) BERHAD	ENCIK MOHD SHAZLEY BIN SAID
19.	KOPERASI SUJANA MALAYSIA BERHAD	DATO NARA SINGARAO A/L JAGIAN SOMALU
20.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN TAIPING BERHAD	ENCIK MOHD NOOR BIN MOHD YUSOF
21.	KOPERASI ANGGOTA RISDA MALAYSIA BERHAD	ENCIK NOOR AZAN BIN MOHD NOOR
22.	KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD (NARSCO)	ENCIK ZAHID AHMAD BIN ZUBER AHMAD KHAN
23.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (KOSPEK) HILIR PERAK BERHAD	ENCIK MOHAMED SHAFIE BIN ABD. KARIM
24.	KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA VERHAD	ENCIK OOI ENG KOOI
25.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN KUALA KANGSAR BERHAD	ENCIK SAMSURI BIN ZOLKIFLI
26.	KOPERASI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA BERHAD	ENCIK HASNI BIN OMAR
27.	KOPERASI JAFFNESE BERHAD	ENCIK S.SIVASHANKAR A/L SATGUNASINGAM
28.	KOPERASI PASARAYA JOHOR BERHAD	ENCIK AB. RAHIM BIN MUHAMMAD
29.	KOPERASI SERBAGUNA KEBANGSAAN BERHAD	ENCIK RAJINTERAN A/L VEMPODY
30.	KOPERASI THANAVAISYA KUALA LUMPUR BERHAD	DR. KALAIMANI A/L SUBRAMANIAM

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 17 OGOS 2024

BIL	NAMA PROKSI	NAMA KOPERASI
31.	KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD	ENCIK MOHD ROFI BIN MOHD ZAIN
32.	KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD	DATUK DR. HAJI AZIH BIN MUDA
33.	KOPERASI KESIHATAN PULAU PINANG BERHAD	PUAN HAMIAH BINTI ALI
34.	KOPERASI RUNCAS MALAYSIA BERHAD	ENCIK CHELLANDY A/L C.LETCHUMANAN
35.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAERAH KULIM BERHAD	ENCIK MOHD BAKRI BIN CHE WAN
36.	KOPERASI PERUBATAN NEGERI JOHOR BERHAD	ENCIK HARRYZAN BIN ABDULLAH
37.	KOPERASI PERUMAHAN JAFFNESE BERHAD	ENCIK THAYANANDAH A/L SENATHI RAJAH
38.	KOPERASI CUEPACS BERHAD	ENCIK SUNDARARAJ A/L SUBRAMANIAM
39.	KOPERASI TELUGU BERHAD	ENCIK SATHIARAO A/L VENGATASALAM
40.	KOPERASI GURU-GURU TAMIL NEGERI SEMBILAN BERHAD	ENCIK JEGANATHAN A/L GANESAN
41.	KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN BATU PAHAT BERHAD	ENCIK IBRAHIM BIN MARLAN
42.	KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD	ENCIK LETCHMANAN A/L KRISHNAN
43.	KOPERASI MAJU JAYA (M) BERHAD	ENCIK GANESAN A/L RAJAMANICKAM
44.	KOPERASI PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD	ENCIK MOHD ROSLAN BIN KAMARUDIN
45.	KOPERASI REL NASIONAL BERHAD	ENCIK MOHAMAD RADZAMI BIN ABDUL RAHMAN
46.	KOPERASI PERKUMPULAN PEREMPUAN PERLIS BERHAD	DATIN LATIFAH BINTI CHE DIN
47.	KOPERASI PEKERJA JAYA BERHAD	DATO' GOPALA KRISHNAN A/L V SUBRAMANIAM
48.	KOPERASI KONSUMER MALAYSIA BERHAD	DR RAMA RAO A/L APPALANAIDU
49.	KOPERASI PERUMAHAN DAN PENGANGKUTAN T PENGANGKUTAN TAIPING	ENCIK SUNDRAMRAJI A/L PONNUSAMY VALLU
50.	KOPERASI SERBAGUNA NUT BERHAD	ENCIK NADARAJAH A/L KRISHNAPILLAI
51.	KOPERASI BELIA NASIONAL BERHAD	ENCIK MOHAMED AZAMI BIN MOHAMES SALLEH
52.	KOPERASI PASARAYA MALAYSIA BERHAD	ENCIK M. NASIR BIN RAMLI
53.	KOPERASI KTMB IPOH BERHAD	ENCIK ANANTHARAJAH A/L PERIASAMY
54.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERJAAN NEGERI PERLIS BERHAD	ENCIK ABDUL RAHIM BIN HASHIM
55.	KOPERASI GURU-GURU MELAYU KUALA KANGSAR & HULU PERAK BERHAD	ENCIK MOHD JAMAAI BIN AHMAD
56.	KOPEASI BERSEKUTU PULAU PINANG BERHAD	ENCIK ABD RAHMAN BIN BAKAR
57.	KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD	TUAN HAJI ISHAK BIN HUSSAIN
58.	KOPERASI KOPEMA BERHAD	ENCIK NASRI BIN RAWI
59.	KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA BERHAD	PUAN MARSITAH BINTI OTHMAN
60.	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA BERHAD	ENCIK ROHAIZAT BIN HASHIM

KOPERASI MCIS BERHAD

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 17 OGOS 2024

BIL	NAMA PROKSI	NAMA KOPERASI
61.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MALAYSIA BERHAD	PUAN LAILA BINTI MOHAMMAD KAMARUDDIN
62.	KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN DAERAH JOHOR BHARU BERHAD	ENCIK MOHD FADZLI BIN IBRAHIM
63.	KESATUAN KOPERASI MIDLANDS BERHAD	ENCIK MARIAPPAN A/L SEMALAI
64.	KOPERASI PERUMAHAN IPOH BAHRU BERHAD	ENCIK MANICKAM A/L RAMASAMY
65.	KOPERASI MERCANTILE IPOH BERHAD	ENCIK SUKUMARAN A/L P.A. SUNKUNIY
66.	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA MELAYU KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERHAD	ENCIK MOHAMAD NOR BIN YUSOF
67.	KOPERASI KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERHAD	ENCIK MD SHAIFUL BAHARI BIN MOHD NOOR
68.	KOPERASI GURU-GURU MELAYU MUAR BERHAD	ENCIK ABDUL FADZIL BIN HUSSIN
69.	KOPERASI KREDIT RAKYAT BERHAD	ENCIK NAGAPPAN A/L PERUMAL
70.	KOPERASI SERBAGUNA PERTANIAN PERUSAHAAN KEMAJUAN BERHAD	ENCIK VEGABALAN A/L ADIKALAM
71.	KOPERASI KHALSA MALAYSIA BERHAD	ENCIK SARAN SINGH A/L PHAN SINGH
72.	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU JABATAN PERTANIAN BERHAD	ENCIK AHMAD NAZRI BIN ABDULLAH ZAWAWI
73.	KOPERASI BUMIPUTERA KEDAH BERHAD	ENCIK MAWARDI BIN NAYAN
74.	KOPERASI PEMBANGUNAN MUKIM JOHOL NEGERI SEMBILAN BERHAD	TUAN HAJI KAMARUDIN BIN MD. TAHIR
75.	KOPERASI PASAR MINGGUAN GUAR CHEMPEDAK BERHAD	ENCIK MOHAMAD IDRIS BIN AHMAD
76.	KOPERASI PEKERJA KOMANWEL BUTTERWORTH BERHAD	ENCIK MAGESWARAN A/L ALEXANDRA
77.	KOPERASI PERKASA MALAYSIA BERHAD	ENCIK ALI BIN MAHMOOD
78.	KOPERASI PERUMAHAN KUALA LUMPUR BERHAD	ENCIK SRI RAM A/L MOO KIAH (ALK)

Lampiran A2

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN INDIVIDU KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 17 OGOS 2024

BIL	NAMA WAKIL	NEGERI
1	Puan Rosnita binti Mohd Salleh	Kelantan
2	Encik Abdul Razak bin Ahmad	Terengganu
3	Encik Ramasamy a/l Supperayan	Pahang
4	Encik Lachumanam a/l Govindan	Selangor
5	Encik Kalyana Kumar a/l Nadarajah	Selangor
6	Encik Sanni Babu a/l Themudoo	Selangor
7	Encik Gsangaya a/l Sannasi	Selangor
8	Encik Kamalanathan a/l R.Ramanathan	Kuala Lumpur (W.P)
9	Encik Kanakaraj a/l Subramaniam	Kuala Lumpur (W.P)
10	Encik Loganathan a/l Velloo	Kuala Lumpur (W.P)
11	Encik Rabee @ Ravin a/l Marimuthu	Kuala Lumpur (W.P)
12	Encik Sundram a/l M.Subramaniam	Kuala Lumpur (W.P)
13	Encik Marimuthu a/l Munusamy	Johor
14	Encik Shamugam a/l Munisamy	Johor
15	Encik K.Balraj a/l Kuppu	Melaka
16	Dr Belinda Marie Balraj a/p K.Balraj	Melaka
17	Puan Audrey Ann Balraj	Melaka
18	Puan Jesinta Agnus a/p A.M. Gabriel	Melaka
19	Encik James Reed a/l Innas Muthu	Melaka
20	Encik Balachandran a/l Sundraman	Negeri Sembilan
21	Encik Kristummoonthy a/l P.Arumugam	Negeri Sembilan
22	Encik Mahinder S.Monacha a/l Surjit Singh	Negeri Sembilan

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN INDIVIDU KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 17 OGOS 2024

BIL	NAMA WAKIL	NEGERI
23	Encik Kesavan a/l Saundarajoo Naidu	Kedah
24	Encik Devatathan a/l Mariyappan	Kedah
25	Encik Manickam a/l Alagappan	Pulau Pinang
26	Encik Gopallu a/l Ramasamy	Pulau Pinang
27	Dr. Manoharan a/l Cheria Kannan	Pulau Pinang
28	Dr Rajaveloo a/l S.Murugiah	Pulau Pinang
29	Puan Susila a/p Kamarovello	Pulau Pinang
30	Encik Sukumaran a/l Karuppiah Pillai	Perak
31	Encik Subramaniam a/l Karuppanan	Perak
32	Encik Nadarajah a/l Nallan	Perak
33	Encik Manikam a/l Sinnappen	Perak
34	Encik Krishnan a/l Appanu	Perak
35	YB Dr Gunarajah a/l R.George	Anggota Lembaga
36	Dr Letchumanan a/l Amaippen	Anggota Lembaga
37	Encik Balasupramaniam a/l Ramanaidu	Anggota Lembaga

AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2024
GALERI GAMBAR - JAMUAN MAKAN MALAM "JASAMU DIKENANG"



























AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2024

GALERI GAMBAR - JAMUAN SAMBUTAN HARI RAYA PUASA 2025, SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI 2024 & MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN KOPERASI MCIS BERHAD















AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2024

GALERI GAMBAR - MESYUARAT PELAN STRATEGIK 2025, PERJUMPAAN BERSAMA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA & SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN



















AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2024
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61
GALERI GAMBAR























AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2024
GALERI GAMBAR - SUMBANGAN CSR DAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG 2024

















SENARAI PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG KOPERASI MCIS BERHAD

BIL	NAMA	KELAYAKAN	PEPERIKSAAN	NEGERI	NAMA PENJAGA	NO ANGGOTA
1	MIRSHA DEVI A/P RAMASH	3.83	STPM	SELANGOR	RAMASH A/L NARAYASAMY	C07180445
2	MUHAMMAD ILMAN DANIAL BIN IBRAHIM	3.58	MATRIKULASI	KELANTAN	IBRAHIM BIN YUSOFF	C07090034
3	LAVINNYA A/P ISWARAMOORTHY	8A	SPM	PERAK	RAMANADEVI A/P ANNAMALLAY	C07180593
4	NURUL ADLINA BINTI ABDUL GHANI GANESAN	7A	SPM	MELAKA	ABDUL GANESAN BIN ABDULLAH	C07010417
5	NUR FATIN ANNUHA BINTI IBRAHIM	3.79	MATRIKULASI	KELANTAN	IBRAHIM BIN YUSOFF	C07090034
6	CHA YE HERN	9A	IGCSE	PULAU PINANG	LIM SHUH YIN	7329
7	THANGARAJ A/L MANIMUTHU	4.00	MATRIKULASI	SELANGOR	MANIMUTHU A/L PALANIANDY	C07130168
8	HARITA A/P RUTHRA MOORTHI	3.75	STPM	SELANGOR	R.CHANDRA VADANA A/P RAJA GOPAL	C567
9	JEREMIAH ANTHONY BALRAJ	3.83	STPM	MELAKA	NICHOLAS ROY SHANKER BALRAJ	C07140046
10	DARNISHA RAO A/P ISBURUDU	9A	SPM	SELANGOR	SANTHI A/P GENGANAIDU	7156
11	KS KUHAN A/L KESAVA RAO	8A	SPM	SELANGOR	SUMITHRA A/P CHANDRANAYANAN	7331
12	PANG HONG	10A	SPM	MELAKA	PANG SUN	C07160095
13	CHAARULATHAA A/P HARANATHA RAO	9A	SPM	PERAK	HARANATHA RAO A/L RAMALU	H310
14	KRISHNAPRIYAH A/P HARANATHA RAO	4	MATRIKULASI	PERAK	HARANATHA RAO A/L RAMALU	H310
15	NAFEESAH AZZAHRAA BINTI ABDUL RAHMAN	9A	SPM	MELAKA	ABDUL RAHMAN BIN PALIT	C07010369
16	QAMARRUDIN BIN MOHAMMED ISMAIL	9A	SPM	SELANGOR	SITI HAWA BT PAIMAN	C07190792



TAHNIAH KEPADA ANAK-ANAK ANGGOTA ATAS ANUGERAH CEMERLANG 2023

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI MCIS BERHAD

Koperasi dengan ini membentangkan Laporan Lembaga bagi tahun 2024

KEGIATAN/AKTIVITI KOPERASI

Aktiviti utama Koperasi MCIS Berhad adalah sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan kedua terbesar dengan pegangan saham sebanyak 44.39% dalam MCIS Life. MCIS Life merupakan syarikat bersekutu Koperasi dan menjalankan perniagaan insuran hayat. Koperasi juga mempunyai pegangan saham sebanyak 15% dalam Pacific Insurance Berhad yang menjalankan perniagaan insuran am.

Aktiviti kedua yang dilaksanakan sejak tahun 2018 adalah pengurusan sewa ruang pejabat dan pengurusan pakir kereta di Wisma MCIS. Pada tahun 2018, Koperasi telah membeli hartanah Wisma MCIS dengan harga RM110,000,001.00, pembelian hartanah tersebut adalah sebahagian daripada pengumpulan dana melalui Skim Simpanan Khas (SSK) dan sebahagiannya adalah pembiayaan pinjaman daripada Maybank Berhad. Perolehan kutipan sewa daripada penyewa utama adalah MCIS Life, Pacific Insurance Berhad, agensi-agensi insuran dan lain-lain penyewa.

Seterusnya untuk tempoh jangka panjang Koperasi telah menyewakan Bangunan Annexe kepada Qosmo International School iaitu sebuah sekolah antarabangsa yang menjalankan pusat pembelajaran/pendidikan yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam usaha mempertingkatkan ruangan sewa dipenuhi/dihuni Koperasi telah dapat meningkatkan ruangan sewa berpenghuni daripada 80% kepada 88% peningkatan ruangan sewa sebanyak 8% satu perkembangan yang sangat menggalakkan.

Selain itu, Koperasi turut terlibat dalam pelaburan syer siar harga dan syer tak siar harga. Semua aktiviti ini telah menyumbang peningkatan pendapatan Koperasi pada setiap tahun.

PERKEMBANGAN SEMASA

Skim Simpanan Khas masih diteruskan untuk tempoh setahun lagi, berdasarkan pelan strategik pada tahun 2023 Koperasi telah dapat melunaskan tanggungan yang berbaki RM35 juta kepada RM16.3 juta pada tahun 2024 dan dijangka akan dapat diselesaikan seperti yang dirangka. Koperasi bersedia mengorak langkah dan merangka pelan strategik untuk menyelesaikan tanggungannya.

Dalam perancangan, Koperasi bercadang menjual sepuluh (10) juta unit saham dalam MCIS Life sekiranya tawaran jualan dari rakan kongsi baru diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan. Koperasi telah bersetuju meneruskan tawaran penjualan saham sebanyak 15% dalam Pacific Insurance Berhad, walau bagaimanapun keputusan akhir tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman perkembangan berkaitan hartanah Sg. Choh pihak koperasi telah mengambil tindakan membuat pindah milik hartanah Sg. Choh daripada MCIS Development Sdn Bhd (anak syarikat koperasi) kepada Koperasi MCIS Berhad. Pindah milik hartanah tersebut telahpun dilaksanakan dan telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

PEMBAHAGIAN DIVIDEN

Lembaga mencadangkan bayaran dividen untuk tahun 2024 sebanyak 7% atas baki modal saham biasa dan saham bonus bagi tahun kewangan berakhir 31^{hb} Disember 2024. Walaupun keuntungan berkurang Lembaga tetap membuat keputusan dengan mencadangkan bayaran dividen sebanyak 7% . Selain itu, keputusan pembayaran dividen ini tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR)

- Sumbangan tunai kepada anak-anak anggota yang cemerlang akedemik

Koperasi masih meneruskan tradisi menjalankan aktiviti tanggungjawab sosialnya dengan memberi sumbangan tunai kepada anak-anak anggota yang berjaya mencapai pencapaian cemerlang dalam bidang akedemik (Tabung Amanah Khir Johari). Sumbangan ini adalah program tahunan yang dianjur bersama dengan kerjasama MCIS Life.

- Perlindungan Insuran

Fasa 1 - pemberian perlindungan insuran kepada Anggota Lembaga (Proksi Koperasi) dan Anggota Individu yang hadir sebagai perwakilan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan diteruskan (tertakluk terma & syarat) dengan diberi perlindungan seperti berikut :-

i. Kematian akibat kemalangan – RM10,000.00
ii. Kecacatan kekal akibat kemalangan – RM10,000.00
iii. Pengurusan Jenazah akibat kemalangan – RM2,000.00

Fasa 2 - Pemberian Khairat Kematian (Pengurusan Jenazah), Perlindungan Insuran dan Faedah perlindungan penyakit kritikal.

KHAIRAT KEMATIAN DAN PERLINDUNGAN INSURAN KEPADA ANGGOTA INDIVIDU

A) Perlindungan Insuran (Kemalangan) dengan kadar premium RM10.00 kepada Anggota Individu. Perlindungan Polisi Kelumpuk melalui Pacific Insurance Berhad

- Faedah kematian (kemalangan) – RM10,000.00
- Faedah kecacatan kekal (kemalangan) – RM10,000.00
- Faedah Harian Hospital (Elaun Tunai) kemalangan/sickness – RM25/sehari untuk tempoh 30 hari sahaja
- Faedah khairat kematian (kemalangan) – RM1,500
- Kelayakan umur antara 18 tahun hingga 80 tahun

B) Dana dalam Tabung Amanah Dato' NA Kularajah yang dikumpul dari potongan dividen anggota RM10.00 akan melindungi bayaran Khairat Kematian Biasa (pengurusan Jenazah) sebanyak RM1,500.00 dan bayaran sekali (one off) untuk penyakit kritikal sebanyak RM1,000.00 kepada Anggota Individu tertakluk kepada bil asal (original bill) semasa membuat tuntutan penyakit seperti berikut :-

- Penyakit angin ahmar/strok
- Penyakit kanser – semua kategori
- Penyakit jantung, paru-paru, pembedahan injap, pintasan ateri koronari
- Penyakit kegagalan buah pinggan (dialysis)

Nota : Sekiranya kematian anggota adalah disebabkan penyakit kritikal dan koperasi telah membayar RM1,000.00 (one off) baki khairat kematian adalah sebanyak RM500.00.

LAPORAN SEMINAR

Dalam hal meningkatkan pengetahuan atau mengeratkan hubungan antara Koperasi, Koperasi MCIS Berhad tidak ketinggalan menghantar Anggota Lembaga dan Pegurusan menyertai program yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Institut Koperasi Malaysia dan Koperasi-Koperasi. Seminar-seminar adalah seperti berikut :-

i) Koperasi dalam tahun 2024 telah menghantar Anggota Lembaga dan Pengurusan Koperasi menyertai kursus pengurusan strategik, pengurusan kewangan, pengurusan tadbir urus dan seminar seperti penilaian prestasi koperasi. Semua kursus dan seminar adalah anjuran Institiut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Persidangan Hari Koperasi Negara Tahun 2024

- 18/7/2024 – Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Negara 2024 Peringkat Wilayah
- 4/9/2024 & 5/9/2024 – Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi 2024 di Swiss-Garden Hotel Melaka (Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024, Koperasi di kedudukan 11 Terbaik)

ii) 7/10/2024 & 8/10/2024 – Bengkel Penetapan Polisi Bagi Pemakaian Seksyen 96 Akta 1993 dan Penyediaan Undang-Undang Kecil Seragam anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia di AnCasa Hotel Kuala Lumpur

iii) 14/12/2024 telah diadakan Sessi Libat Urus Meja Bulat Pemantapan Cadangan Pengubalan Akta Koperasi Baru Menggantikan Akta 1993 (Akta 502) anjuran Koperasi Kesatuan Midlands Berhad & Kesatuan Koperasi Kredit-Kredit (M) Berhad

KES TRIBUNAL (SEMASA)

i) Kes Tribunal T271-2022 (Award Tribunal Bertarikh 28/03/2023) – Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad, Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur (WA-24-30-05/2023) Koperasi MCIS Berhad (Pemohon) berjaya mengenepikan keputusan Award Tribunal diatas tuntutan gantirugi sebanyak RM138,000.00 yang dituntut oleh En. Govindarajoo G.Arumugam (Responden Kedua) serta diminta membayar RM3,000.00 sebagai fi alokatur. Walau bagaimanapun pada 29/4/2024 En. Govindarajoo G.Arumugam (Pemohon) telah memohon Notis Usul (W-08-114-04/2024) (Menyokong Permohonan Pemohon bagi Kebenaran Merayu Ke Mahkamah Rayuan Malaysia). Mahkamah membenarkan dan pengurusan kes rayuan masih dalam proses dan dijangka akan didengar pada pertengahan tahun 2025.

ii) Kes saman pemula no. NA-24-3-11/2023, En. Rasalingam Kanagalingam (perayu) vs Tribunal Koperasi & Koperasi MCIS Berhad (Responden), Koperasi telah memenangi kes ini tetapi En. Rasalingam Kanagalingam telah memohon rayuan semula diatas keputusan Mahkamah Tinggi Seremban. Notis usul rayuan (N-01(A)-373-06/2024) telah didengar dalam Mahkamah Rayuan pada 12/11/2024, semasa perbicaraan, Koperasi telah berjaya dalam hujahan bahawa En. Rasalingam Kanagalingam gagal mematuhi seksyen 68(1)(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1968. Keputusan, mahkamah membatalkan notis rayuan En. Rasalingam Kanagalingam dengan kos dikenakan sebanyak RM5,000.00.

KEANGGOTAAN

Setakat 31^{hb} Disember 2024 keanggotaan adalah seperti berikut :

i. Anggota Individu : 6049 orang
ii. Koperasi Anggota : 104 buah Koperasi

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Koperasi akan memberi keutamaan dalam meningkatkan urusan pentadbiran dan pengurusan seiring dengan program dan plan strategik yang telah dirangka. Pihak kami dengan sedaya upaya akan berusaha merealisasikan segala program yang telah diatur dan dirancang demi mempertingkatkan keuntungan Koperasi.

Pihak kami juga ingin memaklumkan sehingga 31^{hb} Disember 2024 Koperasi mempunyai seramai sebelas (11) orang kakitangan.

MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2024

Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat Lembaga sebanyak tujuh (7) kali dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) enam (6) kali dalam tempoh setahun.

Pecahan kehadiran Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:-

Senarai Kehadiran Anggota Lembaga ke Mesyuarat Lembaga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31/12/2024

Bil.	Nama	17-Feb	7-Mei	24-Jul	13-Ogos	17-Ogos	27-Sep	28-Nov	Jumlah
1	YB Dr Gunarajah R.George	1	1	1	1	1	1	1	7
2	En. Balasupramaniam Ramanaidu	1	1	1	1	1	1	1	7
3	Dr Letchumanan Amaippen	1	1	1	1	1	1	1	7
4	En. Venkatasal Rao Nookaiah	1	1	1	1	1	1	1	7
5	En. Thankarajoo Subramaniam	1	1	1	1	1	1	1	7
6	En. Papiyah Rajamian	1	1	1	1				4
7	En. Sri Ram Moo Kiah	1	1	1	1				4
8	Dato' Shashi Kumar a/l Palaniyappan	x	1	1	1	1	1	1	6
9	En. Mas'ud Husain	1	1	x	x				2
10	Dato' Goh Ah Ling					1	1	1	3
11	En. Balasundaram Kumarasamy					1	1	x	2
12	Dato' Khairul Walid Mohamed						x	x	0

Senarai Kehadiran Anggota Lembaga ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31/12/2024

Bil.	Nama	19-Jan	3-Apr	26-Apr	26-Jun	7-Ogos	18-Dis	Jumlah
1	YB DR Gunarajah R.George	1	1	1	1	1	1	6
2	En. Balasupramaniam Ramanaidu	1	1	1	1	1	1	6
3	Dr Letchumanan Amaippen	1	1	1	1	1	1	6
4	En. Venkatasal Rao Nookaiah	1	1	1	1	1	1	6
5	En. Thankarajoo Subramaniam	1	1	1	1	1	1	6

Nota

1	En. Masud Husain	- Gugur sebagai Anggota Lembaga/Proksi di Koperasi KOSWIP
2	En. Papiyah Rajamian	- Tidak Dilantik sebagai Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung bertarikh 17/08/2024
3	En. Sri Ram Mookiah	- Tidak bertanding sebagai Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung bertarikh 17/08/2024
4	Datuk Goh Ah Ling	- Di lantik sebagai sebagai Anggota Lembaga Koperasi Dalam Mesyuarat Agung pada 17/8/2024
5	En. Balasundaram a/l Kumarasamy	- Di lantik sebagai sebagai Anggota Lembaga Koperasi Dalam Mesyuarat Agung pada 17/8/2024
6	Dato' Khairul Walid bin Mohamad	- Di lantik sebagai sebagai Anggota Lembaga Koperasi bagi mengisi kekosongan wakil daripada Koperasi KOSWIP

PENGHARGAAN

Pihak kami mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang sentiasa memberi sokongan, bimbingan dan kerjasama kepada Koperasi. Penghargaan juga kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa yang dilantik, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan dan warga kerja Koperasi MCIS Berhad yang terlibat secara lansung dan tidak langsung.

Yang benar,
Lembaga Koperasi MCIS Berhad



YB DR GUNARAJAH R.GEORGE
Pengerusi

KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

LAPORAN BERKANUN
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi MCIS Berhad, dengan sukacitanya membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir hingga 31 Disember 2024.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami melaporkan bahawa :

a) Perjalanan koperasi tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut tarif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993 kecuali :

   i) Membuat pelarasan bukan operasi seperti di Nota 39 kepada penyata kewangan
   ii) Pindahan 2 bidang tanah dari subsidiari koperasi, MCIS Development Sdn. Bhd. seperti di Nota 7

b) Koperasi bercadang membayar dividen sebanyak 7% (2023 : 5%) atas modal syer pada 30 Jun 2024

c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai

d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Penyata Pendapatan dan Akaun Untung Rugi aktiviti, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan; dan

e) Kami juga berpendapat bahawa jumlah aset, liabiliti, modal dan rizab yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

Kami bagi pihak Lembaga mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.

Bagi pihak anggota Lembaga,

.....

(YB DR GUNARAJAH A/L. R GEORGE)
Pengerusi

.....

(BALASUPRAMANIAM A/L RAMANAIDU)
Setiausaha

.....

(VENKATASAL RAO A/L NOOKAIAH)
Bendahari

Tarikh : 06 AUG 2025
Petaling Jaya, Selangor.

Kepada

Pengerusi
Anggota Lembaga Koperasi (ALK)
Koperasi Anggota Dan Anggota-Anggota
Koperasi MCIS Berhad

Tan Sri/ Dato'/Datuk/Datin/ Tuan/ Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31hb DISEMBER 2024

Kami sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi MCIS Berhad melaporkan ringkasan pengauditan bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2024 ini disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi MCIS Berhad.

Akitivi-aktiviti yang dilaksanakan adalah selaras dengan peranan dan fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman sepertimana termaktub dalam Akta koperasi 1993, Garis Panduan (GP 4) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Undang-Undang Kecil 55, Koperasi MCIS Berhad

Dalam menyempurnakan tugas, skop dan teknik pengauditan yang digunapakai oleh Jawatankuasa Audit Dalaman merangkumi beberapa jenis pemeriksaan meliputi sistem soalselidik, audit kewangan, audit operasi dan audit penyiasatan. Sepanjang menjalankan tugas pengauditan, kami berpendapat bahawa rekod-rekod akaun dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta serta Undang-undang Kecil Koperasi telah disimpan dan diurus dengan baik.

2. SKOP AUDIT

Laporan dibuat adalah berasaskan hasil pengauditan terhadap hal-ehwal kewangan, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti Koperasi yang dijalankan dari 1hb Januari 2024 hingga 31hb Disember 2024.

3. STATUS KEANGGOTAAN

Sehubungan dengan itu kami melaporkan status keanggotaan adalah seperti berikut :-

3.1 KEANGGOTAAN

Kami melaporkan bahawa keseluruhan keanggotaan sehingga 31hb Disember 2024 adalah seperti berikut :-

Koperasi Anggota	: 104 buah koperasi
Anggota Individu	: 6049 orang

4. AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI

4.1 Kegiatan utama Koperasi masih kekal terlibat dalam aktiviti pelaburan insuran hayat di MCIS Life dan insuran am di Pacific Insurance Berhad.

4.2 Selain itu Koperasi turut menceburi pelaburan dalam bidang hartanah, menyewa ruang pejabat dan mengendalikan sendiri tempat letak kereta.

5. KESIMPULAN DAN PANDANGAN

Tertakluk kepada perkara-perkara diatas, kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal-ehwal Koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi MCIS Berhad.

6. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Kami merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa kami melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan yang diamanahkan.

Sekian terima kasih.

K.Vijayasuriar
Pengerusi
Jawatankuasa Audit Dalaman

Dr Jeyabalan A.Nadarajah
Setiausaha
Jawatankuasa Audit Dalaman

Vadivelu Perumal
Jawatankuasa Audit Dalaman

Sanni Babu Themudoo
Jawatankuasa Audit Dalaman

Tarikh : 18hb Julai 2025

SK.

1. Pengerusi Eksekutif
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia
   Wilayah Persekutuan

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN KOPERASI MCIS BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kepada :

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi MCIS Berhad

Tuan,

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi MCIS Berhad, yang mengandungi kunci kira-kira pada 31 Disember 2024, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 8 hingga 50 di dalam penyata kewangan ini.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan kehendak Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan Akta Koperasi 1993 (Akta).

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ("ISA"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut adalah dinyatakan di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Di Dalam Pengauditan Penyata Kewangan di dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian bagi menyediakan asas kepada pendapat kami.

Penekanan Perkara

Kami ingin menarik perhatian kepada nota 7 yang menerangkan bahawa koperasi tidak mendedahkan nilai saksama bagi pelaburan hartanah sepertimana kehendak *Section 16 Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS). Pendapat kami tidak diubahsuai berhubung perkara ini.

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN KOPERASI MCIS BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (sambungan)

Kebebasan Dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada koperasi mengikut undang-undang kecil (Berhubung Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk piawaian bebas antarabangsa) ("Kod IESBA"); dan kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan Dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga koperasi adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat terdiri daripada laporan Lembaga koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan koperasi dan laporan juruaudit kami.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan koperasi tidak termasuk laporan Lembaga koperasi dan oleh itu kami tidak menyatakan sebarang pendapat berkaitan dengannya.

Pengauditan kami ke atas penyata kewangan koperasi juga menghendaki kami untuk menyemak lain-lain maklumat tersebut bagi memastikan ia selari dengan penyata kewangan koperasi; dan tidak bercanggah dengan pengetahuan kami serta boleh menyebabkan lain-lain maklumat ini terdapat salah nyata yang material.

Kami dikehendaki untuk melaporkan jika terdapat salah nyata yang material ke atas lain-lain maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, tiada perkara yang perlu dilaporkan oleh kami selain yang dinyatakan di perenggan Penekanan Perkara.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi Ke Atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga koperasi bertanggungjawab di atas penyediaan penyata kewangan koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama dengan kehendak MPERS dan Akta.

Penyediaan penyata kewangan koperasi memerlukan anggota Lembaga koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan koperasi bagi meneruskan operasinya pada masa hadapan serta mendedahkan jika berkaitan, perkara-perkara berhubung dengan keupayaan untuk meneruskan operasi koperasi pada masa hadapan; dan menggunakan asas tersebut melainkan anggota Lembaga koperasi berhasrat untuk membubarkan koperasi atau untuk menghentikan operasinya atau tidak mempunyai cara-cara lain yang munasabah untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit Di Dalam Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah bahawa penyata kewangan koperasi yang disediakan adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan seterusnya dapat memberikan pendapat kami.

LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN KOPERASI MCIS BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (sambungan)

Keyakinan yang munasabah adalah tahap keyakinan yang tinggi tetapi ia bukanlah satu jaminan bahawa kerja-kerja pengauditan yang kami lakukan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA akan sentiasa dapat mengesan salah nyata yang material. Salah nyata wujud disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan boleh dianggap material jika, sama ada secara individu atau keseluruhan boleh mempengaruhi sesuatu keputusan secara ekonomi kesan daripada maklumat di dalam penyata kewangan ini.

Kami perlu menggunakan pertimbangan serta mengekalkan keraguan profesional sepanjang kerja-kerja pengauditan dijalankan seperti yang dikehendaki oleh piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA. Kami juga perlu:

- Mengenal pasti dan menilai kemungkinan risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan koperasi sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan lalu, membuat dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko yang dikenal pasti tersebut selain daripada perlu untuk mendapatkan bukti-bukti audit yang mencukupi; dan sesuai sebagai asas bagi memberikan pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan salah nyata yang material disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko salah nyata akibat daripada kesilapan kerana penipuan melibatkan pakatan, pemalsuan dokumen, melakukan sesuatu dengan sengaja, memberi gambaran yang salah dan melangkaui kawalan dalaman.

- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat kami mengenai keberkesanan kawalan dalaman koperasi.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh anggota Lembaga koperasi.

- Membuat kesimpulan berhubung asas yang digunakan oleh anggota Lembaga koperasi bagi memastikan koperasi boleh meneruskan operasinya pada masa hadapan berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh bagi menentukan sama ada wujudnya peristiwa atau keadaan yang akan menyebabkan keraguan ke atas keupayaan koperasi untuk meneruskan operasinya pada masa hadapan. Jika terdapat keraguan, kami dikehendaki untuk melaporkan di dalam laporan kami berhubung pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu memberi pendapat bersyarat. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan koperasi tidak dapat meneruskan operasinya.

LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN KOPERASI MCIS BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (sambungan)

- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan koperasi secara keseluruhan, termasuk pendedahan dan juga menilai sama ada penyata kewangan koperasi menunjukkan urus niaga dan peristiwa yang menggambarkan pembentangan yang saksama.

Kami telah melaporkan kepada anggota Lembaga koperasi mengenai antara lain, skop kerja yang akan dilaksanakan, tempoh masa pengauditan dan penemuan-penemuan kami, termasuk sebarang kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa menjalankan kerja-kerja pengauditan.

Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Mengikut keperluan Akta di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

(a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak seksyen 58 Akta;

(b) Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah mengikut kehendak Akta, peraturan-peraturan dan undang-undang kecil koperasi; dan

(c) Kedudukan aset dan liabiliti termasuk hutang yang belum dijelaskan oleh koperasi adalah munasabah.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan anggota koperasi mengikut kehendak seksyen 63 Akta di Malaysia dan bukan tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

(MARCELLINUS ANDREAS)
Pengarah Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tarikh: 06 AUG 2025

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN 2024 RM	KUMPULAN 2023 RM	KOPERASI 2024 RM	KOPERASI 2023 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan					
Kenderaan	6	1.00	1.00	1.00	1.00
Komputer	6	10,340.95	3,136.93	10,339.95	3,135.93
Aset-aset lain	6	12,774.32	26,489.26	12,771.32	26,486.32
		23,116.27	29,627.19	23,112.27	29,623.25
Pelaburan dalam hartanah	7	127,025,544.46	127,025,544.46	127,025,544.46	120,394,423.20
Pelaburan dalam syer siarharga	8	228,360.00	210,146.57	228,360.00	210,146.57
Pelaburan dalam syer tak siarharga	9	4,182,876.64	4,178,965.82	4,182,876.64	4,178,965.82
Pelaburan dalam subsidiari	10	-	-	7,466,525.26	7,466,525.26
Hutang subsidiari		-	-	-	28,675.65
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	11	117,580,928.85	122,850,897.85	117,580,928.85	122,850,897.85
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	12	697,863.24	696,738.95	697,863.24	696,738.95
Akaun Deposit Koperasi	13	3,741,167.19	3,626,583.14	3,741,167.19	3,626,583.14
Aset cukai tertunda		919.00	919.00	-	-
Muhibbah		300,000.00	300,000.00	-	-
		253,757,659.38	258,889,795.79	260,923,265.64	259,452,956.44
ASET SEMASA					
Penghutang perdagangan		50,410.00	50,410.00	-	-
Pinjaman anggota	14	34,102.34	36,228.25	34,102.34	36,228.25
Pelbagai penghutang	15	3,129,423.00	3,541,912.67	3,126,631.66	3,524,731.67
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	16	11,800,000.00	12,000,000.00	11,800,000.00	12,000,000.00
Simpanan tetap	17	512,155.20	28,338,268.08	226,498.20	28,055,298.08
Wang di bank	18	1,840,573.26	1,652,279.15	1,665,850.26	1,478,642.15
Wang dalam perjalanan	18	1,354.79	1,237.28	1,354.79	1,237.28
Wang di tangan	18	3,999.01	3,999.01	3,999.01	3,999.01
		17,372,017.60	45,624,334.44	16,858,436.26	45,100,136.44
JUMLAH ASET		271,152,793.25	304,543,757.42	277,804,814.17	304,582,716.13

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
Dibiayai oleh :					
Modal Syer	19	64,312,574.03	64,459,171.03	64,312,574.03	64,459,171.03
Modal Syer Bonus	20	2,800,667.00	2,836,667.00	2,800,667.00	2,836,667.00
Modal Yuran	21	5,991,434.22	5,541,640.82	5,991,434.22	5,541,640.82
Modal Syer Ditebus	22	1,048,040.00	944,894.97	1,048,040.00	944,894.97
Modal Syer Bonus Ditebus	23	248,333.00	212,333.00	248,333.00	212,333.00
Rizab Nilai Saksama : Pelaburan Hartanah	24	4,079,085.61	4,079,085.61	4,079,085.61	4,079,085.61
Rizab Nilai Saksama : Pelaburan Syer	25	102,120.00	40,189.15	102,120.00	40,189.15
Kumpulan Wang Penebusan Syer	26	-	103,145.03	-	103,145.03
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	27	2,800,667.00	2,836,667.00	2,800,667.00	2,836,667.00
Tabung Amanah Dato' NA Kularajah	28	441,097.65	363,165.44	441,097.65	363,165.44
Tabung Amanah Khir Johari	29	329,865.32	329,865.32	329,865.32	329,865.32
Keuntungan Terkumpul		77,642,761.91	87,546,700.72	77,704,446.17	87,594,358.78
KUMPULAN WANG ANGGOTA		159,796,645.74	169,293,525.09	159,858,330.00	169,341,183.15
Kumpulan Wang Rizab Statutori	30	39,432,907.50	39,430,098.49	39,432,907.50	39,430,098.49
Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Pekerja	31	600,000.00	600,000.00	600,000.00	600,000.00
		40,032,907.50	40,030,098.49	40,032,907.50	40,030,098.49
JUMLAH EKUITI		199,829,553.24	209,323,623.58	199,891,237.50	209,371,281.64
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman dari Institusi Kewangan lain	32	41,892,267.70	45,266,928.08	41,892,267.70	45,266,928.08
Cukai tertunda		2,737.00	2,737.00	-	-
LIABILITI SEMASA					
Skim simpanan khas anggota	33	16,352,000.00	35,876,803.00	16,352,000.00	35,876,803.00
Pinjaman dari Institusi Kewangan lain	32	5,559,324.00	5,559,324.00	5,559,324.00	5,559,324.00
Fi Audit Suruhanjaya	34	26,000.00	26,000.00	26,000.00	26,000.00
Kump. Wang Amanah Pendidikan Koperasi	35	-	0.01	-	0.01
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar		-	1,664,688.20	-	1,664,688.20
Dividen	36	5,209,043.70	4,140,148.62	5,209,043.70	4,140,148.62
Honorarium	37	16,054.03	75,743.90	16,054.03	75,743.90
Jumlah terhutang kepada Subsidiari		-	-	6,602,779.66	14,489.75
Pelbagai pemiutang	38	2,265,813.58	2,607,761.03	2,256,107.58	2,587,308.93
		29,428,235.31	49,950,468.76	36,021,308.97	49,944,506.41
JUMLAH LIABILITI		71,323,240.01	95,220,133.84	77,913,576.67	95,211,434.49
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		271,152,793.25	304,543,757.42	277,804,814.17	304,582,716.13

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
Keuntungan/(Kerugian) bersih tahun semasa		7,581.79	(12,626.79)	21,607.79	536.27
Tolak : Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori (13%)		2,809.01	69.72	2,809.01	69.72
		2,809.01	69.72	2,809.01	69.72
(Kerugian)/Keuntungan selepas pembahagian berkanun		4,772.78	(12,696.51)	18,798.78	466.55
Tolak : Cukai		-	34,495.00	-	-
Tolak : Lain-lain Pembahagian					
Dividen atas modal syer - 7% (2023 : 5%)		4,697,926.87	3,222,958.55	4,697,926.87	3,222,958.55
Dividen atas modal syer bonus (2023 : 5%)		-	141,833.35	-	141,833.35
		4,697,926.87	3,364,791.90	4,697,926.87	3,364,791.90
Kerugian selepas lain-lain pembahagian		(4,693,154.09)	(3,411,983.41)	(4,679,128.09)	(3,364,325.35)
Tambah : Pelarasan bukan operasi	39	(5,210,784.52)	(674,318.76)	(5,210,784.52)	(674,318.76)
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		87,546,700.52	91,633,002.89	87,594,358.78	91,633,002.89
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		77,642,761.91	87,546,700.72	77,704,446.17	87,594,358.78

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		KOPERASI	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN DARI AKTIVITI					
Kredit	40	1,180.00	1,383.67	1,180.00	1,383.67
Pelaburan	40	8,770,488.92	9,262,336.44	8,770,488.92	9,262,336.44
		8,771,668.92	9,263,720.11	8,771,668.92	9,263,720.11
LAIN-LAIN PENDAPATAN					
Yuran pindahan syer		960.00	-	960.00	-
Pulangan atas KWLP		13,934.78	6,967.39	13,934.78	6,967.39
Hutang ragu pulih		1,700.00	425.00	1,700.00	425.00
Sumbangan		80,500.00	-	80,500.00	-
Pelbagai pendapatan		90,342.58	35,488.00	87,293.58	32,753.00
		8,959,106.28	9,306,600.50	8,956,057.28	9,303,865.50
PERBELANJAAN AM					
Fi Audit Suruhanjaya		26,000.00	26,000.00	26,000.00	26,000.00
Perbelanjaan lembaga	41	538,455.44	480,131.50	538,455.44	480,131.50
Susutnilai aset	6	22,640.98	34,820.90	22,640.98	34,090.90
Kerugian atas penebusan Amanah Raya		36,046.09	-	36,046.09	-
Perbelanjaan mesyuarat agung tahunan	42	191,625.40	165,236.30	191,625.40	165,236.30
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	43	922,569.18	912,836.19	922,569.18	912,836.19
Kos Pembiayaan Modal:					
Pulangan atas simpanan khas anggota		1,229,496.49	1,737,804.19	1,229,496.49	1,737,804.19
Faedah atas pinjaman belian bangunan		1,363,922.98	1,422,354.45	1,363,922.98	1,422,354.45
Faedah atas pinjaman pembiayaan SSK		820,762.43	830,091.93	820,762.43	830,091.93
Pelbagai perbelanjaan	44	3,800,005.50	3,709,951.83	3,782,930.50	3,694,783.77
		8,951,524.49	9,319,227.29	8,934,449.49	9,303,329.23
Keuntungan/(Kerugian) bersih		7,581.79	(12,626.79)	21,607.79	536.27

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI KOPERASI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan bersih tahun semasa	7,581.59	(12,626.79)	21,607.79	536.27
Pelarasan untuk :				
Pelarasan bukan operasi	-	(674,318.76)	-	(674,318.76)
Faedah atas pelaburan	(3,910.82)	-	(3,910.82)	-
Hutang ragu pulih	(1,700.00)	(425.00)	(1,700.00)	-
Keuntungan atas penjualan pelaburan	(37,160.93)	-	(37,160.93)	-
Perbelanjaan faedah	2,184,685.41	2,252,446.40	2,184,685.41	2,252,446.40
Perubahan nilaian semula pelaburan hartanah	-	810,000.00	-	810,000.00
Rosotnilai pelaburan pulih	-	55,387.10	-	55,387.10
Susutnilai aset tetap	22,640.98	34,820.90	22,640.98	34,090.90
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	2,172,136.23	2,465,283.85	2,186,162.43	2,478,141.91
Tambahan Pinjaman anggota	3,825.91	16,957.89	3,825.91	16,957.89
Tambahan Hutang kepada subsidiari	-	-	334.05	-
Tambahan Pelbagai penghutang	412,005.67	3,231,588.83	397,616.01	3,209,834.13
Kurangan Pelbagai pemiutang	(311,968.91)	(149,621.74)	(315,712.50)	(153,744.10)
Tunai diperolehi daripada operasi	2,275,998.90	5,564,208.83	2,272,225.90	5,551,189.83
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Kump Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	(119,318.68)	-	(119,318.68)
Kump Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	(59,659.33)	-	(59,659.33)
Dividen	(2,972,986.45)	(3,382,446.46)	(2,972,986.45)	(3,382,446.46)
Honorarium	(30,000.00)	(220,000.00)	(30,000.00)	(220,000.00)
Tabung Amanah Kanak-Kanak Cacat	(29,857.79)	-	(29,857.79)	-
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan	(3,032,844.24)	(3,781,424.47)	(3,032,844.24)	(3,781,424.47)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI KOPERASI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(16,130.00)	(6,959.00)	(16,130.00)	(6,959.00)
Pelaburan dalam syer tak siarharga	-	1,570.60	-	1,570.60
Pelaburan dalam syer siarharga	80,878.35	(55,387.10)	80,878.35	(55,387.10)
Jualan pelaburan hartanah	-	13,500,000.00	-	13,500,000.00
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan	64,748.35	13,439,224.50	64,748.35	13,439,224.50
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Modal syer dan yuran diterima	-	298,518.63	-	298,518.63
Modal syer dan yuran dibayar	(245,058.94)	(84,031.15)	(245,058.94)	(84,031.15)
Syer bonus	(36,000.00)	(29,000.00)	(36,000.00)	(29,000.00)
Skim simpanan khas anggota	(19,524,803.00)	(8,318,939.76)	(19,524,803.00)	(8,318,939.76)
Pinjaman dari Institusi Kewangan lain	(5,559,345.79)	(5,559,324.00)	(5,559,345.79)	(5,559,324.00)
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan	(25,365,207.73)	(13,692,776.28)	(25,365,207.73)	(13,692,776.28)
(Kurangan)/Lebihan tunai dan setara tunai	(26,057,304.72)	1,529,232.58	(26,061,077.72)	1,516,213.58
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	44,654,417.41	43,125,184.83	44,197,810.41	42,681,596.83
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	18,597,112.69	44,654,417.41	18,136,732.69	44,197,810.41
Tunai dan setara tunai merangkumi :				
Aset KWRS	-	12,000,000.00	11,800,000.00	12,000,000.00
Kumpulan Wang Likuiditi	697,863.24	696,738.95	697,863.24	696,738.95
Simpanan tetap	12,312,155.20	28,338,268.08	226,498.20	28,055,298.08
Akaun Deposit Koperasi	3,741,167.19	1,961,894.94	3,741,167.19	1,961,894.94
Wang di bank	1,840,573.26	1,652,279.15	1,665,850.26	1,478,642.15
Wang dalam perjalanan	1,354.79	1,237.28	1,354.79	1,237.28
Wang di tangan	3,999.01	3,999.01	3,999.01	3,999.01
	18,597,112.69	44,654,417.41	18,136,732.69	44,197,810.41

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT UMUM

Kegiatan utama koperasi adalah dalam aktiviti pelaburan dan pemberian pinjaman kepada anggota. Koperasi kekal bergiat aktif terutamanya sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dalam MCIS Insurance Berhad yang merupakan sebuah syarikat bersekutu koperasi yang mana kegiatan utamanya adalah perniagaan insurans hayat. Koperasi juga menjalankan aktiviti pelaburan dalam hartanah, syer siarharga, syer taksiar harga dan memberi pinjaman kepada anggota. Koperasi juga turut menjalankan aktiviti pemberian pinjaman kepada koperasi anggota dan pemberian pinjaman berjamin dengan menyediakan pinjaman kepada anggota-anggota individu yang terdiri daripada kakitangan dan agen-agen MCIS Insurance Berhad.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Koperasi ini diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar koperasi adalah Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

2. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh ahli Lembaga Koperasi pada 4 Ogos 2025.

3. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN DAN AKTA KOPERASI 1993

Penyata kewangan ini telah disediakan bagi tempoh 31 Disember 2024 dengan mematuhi peruntukan Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Undang-Undang Kecil Koperasi. Penyata kewangan ini mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang telah disesuaikan dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi untuk mematuhi Akta Koperasi 1993.

No. daftar : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

4.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

Penyediaan penyata kewangan koperasi memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, andaian dan anggaran yang melibatkan amaun dilaporkan bagi hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini mungkin membawa kepututsan yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dan liabiliti yang terlibat pada masa hadapan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidakpastian anggaran penting dinyatakan dalam Nota 5.

4.2 Harta tanah, loji dan peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan bagi operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewakan (kecuali sewaan tanah dan bangunan) apabila koperasi mempunyai kawalan ke atas aset tersebut. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan, dan peralatan siap sedia, diklasifikasikan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian susulan bagi satu komponen penting dalam aset yang sedia ada akan dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen lama tidak dimasukkan. Sebarang penambahbaikan akan dipermodalkan jika ia dapat meningkatkan manfaat ekonomi aset tersebut.

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau penjejasan nilai. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai pihak pengurusan.

Selepas pengiktirafan awal, semua harta tanah, loji dan peralatan adalah pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Kaedah garis lurus	Kadar(%)
Kenderaan	20%
Komputer	30%
Lain-lain aset	20%

4.3 Pelaburan Hartanah

Koperasi mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan sebagai pelaburan hartanah jika ia dimiliki untuk peningkatan nilai modal, pendapatan sewa atau tujuan penggunaannya belum ditentukan. Pelaburan hartanah direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung.

Bagi tujuan pengukuran susulan, barang-barang peralatan yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang bersambung secara fizikal pada bangunan seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta tersebut. Koperasi menggunakan model nilai saksama untuk menilai pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur secara pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran siar harga, sekiranya boleh diperhatikan. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah selaras dengan kehendak para 60.5, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

4.4 Instrumen Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Koperasi mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam kunci kira-kira apabila, dan hanya apabila, ia menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urusniaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

(b) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam instrumen tersiar harga diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif. Perubahan dalam nilai saksama syer dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer selaras dengan kehendak para 60.8 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Pelaburan dalam instrumen tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, semua aset kewangan adalah tertakluk kepada semakan semula untuk rosotnilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 4.3 (e).

(c) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos selaras para 60.6 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

(d) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk:

(i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau penanggung kontrak;
(ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran faedah atau bayaran pokok;
(iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan;
(iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain;
(v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau
(vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

Pelaburan dalam syer pada dasarnya dipegang untuk jangkamasa panjang. Ia dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan rosotnilai. Peruntukan rosotnilai ke atas pelaburan syer siarharga dibuat apabila terdapat kemerosotan nilai pasaran pada tarikh Kunci Kira-Kira. Peruntukan rosotnilai ke atas pelaburan syer tak siarharga dibuat apabila anggota lembaga menganggapkan bahawa kemerosotan nilai pelaburan bersifat berkekalan.

Bagi pelaburan ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada kos ditolak rosotnilai, di mana rosotnilai adalah perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya berdasarkan penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang mana koperasi menjangka penerimaan untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan.

Pinjaman anggota adalah diklasifikasi sebagai tidak berbayar jika prinsipal atau faedah/bayaran perkhidmatan/keuntungan atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi tidak dibayar selama enam (6) bulan atau lebih. Bagi pinjaman tidak berbayar, sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam akaun untung rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian rosotnilai aset kewangan akan dibalikkan dalam akaun untung rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan rugi, tertakluk kepada had, yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian rosot yang diiktiraf sebelum ini.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak material; kerugian rosotnilai diuji bagi setiap penghutang ketara secara individu sekiranya terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Penghutang ketara secara individunya yang mana tiada kerugian rosotnilai diiktiraf akan dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang melalui klasifikasi berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan pengumuran penghutang terbabit mengikut tempoh hutang yang dibenarkan.

Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

(f) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Bagi tujuan ini, koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar faedah efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

4.5 Subsidiari dan asas penyatuan

Subsidiari

Subsidiari adalah syarikat di mana koperasi mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti syarikat tersebut. Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Perbezaan di antara perolehan bersih semasa pelupusan dan jumlah yang dibawa akan diiktiraf dalam penyata kewangan.

Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan koperasi dan penyata kewangan subsidiari yang disatukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang beraudit. Semua urusniaga penting antara koperasi dan syarikat subsidiari telah dihapuskan dan penyata kewangan yang disatukan hanya menunjukkan urusniaga dengan pihak di luar kumpulan.

4.6 Pembiayaan anggota

Pembiayaan kepada anggota dinyatakan selepas ditolak dengan peruntukan hutang ragu pembiayaan. Peruntukan hutang ragu dibuat ke atas pembiayaan tidak berbayar berdasarkan semakan setiap akaun pembiayaan dan dikenalpasti secara khusus.

4.7 Aset kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk simpanan tetap, wang di bank dan di tangan yang mempunyai kecairan tinggi dan risiko perubahan dalam nilai yang rendah. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada Kumpulan Wang Likuiditi Pusat, Akaun Deposit Koperasi, simpanan tetap, wang di bank, wang dalam perjalanan dan di tangan.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

4.8 Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dilupuskan dalam tahun ia dikenalpasti. Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang daripad akaun tertentu dikenalpasti.

4.9 Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

4.10 Cukai

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa. Cukai semasa adalah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh Kunci Kira-Kira.

4.11 Modal Syer dan Modal Yuran

(i) Modal Syer

Modal syer direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal syer diklasifikasikan sebagai ekuiti.

(ii) Modal Yuran

Modal yuran direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal yuran diklasifikasikan sebagai ekuiti.

4.12 Pengiktirafan pendapatan

Hasil diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan mengalir masuk kepada koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(i) Pendapatan kredit

Pendapatan kredit iaitu pulangan atas pembiayaan diiktiraf mengikut asas pengiktirafan tunai.

(ii) Fi masuk

Fi masuk diiktiraf semasa pendaftaran anggota baru.

(iii) Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak koperasi untuk menerimanya telah ditentukan.

(iv) Pendapatan sewa dan komisyen

Pendapatan sewa dan komisen diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

(v) Faedah/ keuntungan

Pendapatan faedah/ keuntungan apabila hak untuk menerimanya telah ditentukan.

4.13 Manfaat pekerja

(i) Manfaat Jangka pendek

Gaji, bonus dan lain-lain manfaat jangka pendek diakrukan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada kakitangan koperasi.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Koperasi membuat caruman berkanun kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perkeso. Caruman ini akan diiktiraf sebagai belanja di akaun untung rugi secara akruan. Apabila caruman telah dibayar, koperasi tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

4.14 Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos penyusunan semula, kontrak yang membebankan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila koperasi mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif akibat daripada peristiwa yang lalu, dan yang mana aliran keluar sumber bagi penyelesaian adalah berkemungkinan dan kenyataan boleh percaya bagi anggaran jumlah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf dari pihak balas (seperti pihak insurans) tidak ditolak daripada peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila pembayaran semula dapat dipisahkan.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan. Bagi peruntukan jaminan, hasil yang dijangka bagi sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan berdasarkan kebarangkalian berwajaran adalah digunapakai, dengan mengambil kira pengalaman Koperasi dalam urus niaga yang sama dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan, di mana kewajipan tunggal diukur, Koperasi menggunakan hasil individu yang paling mungkin sebagaimana anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang akan dikenakan kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin yang boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan yang diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, hasil yang dijangka berdasarkan kebarangkalian berwajaran digunapakai dalam pengukuran, dengan mengambil kira keputusan masa lalu penghakiman mahkamah yang dibuat dalam kes-kes yang serupa dan atas nasihat daripada pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

4.15 Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

5.1 Pertimbangan dan Andaian yang Digunapakai

(a) Usaha Berterusan

Pihak pengurusan koperasi telah membuat penilaian terhadap kebolehan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan dan yakin bahawa ianya memiliki sumber-sumber untuk meneruskan perniagaan untuk tempoh akan datang. Selain itu, pihak pengurusan tidak mengetahui sekiranya wujud sebarang ketidaktentuan yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap kebolehan koperasi untuk meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Oleh itu, penyata kewangan telah disediakan atas dasar usaha berterusan.

(b) Klasifikasi Pelaburan Hartanah

